KURSUS PERGURUAN LEPAS IJAZAH SEKOLAH RENDAH (KPLI SR)

MODUL PENDIDIKAN MORAL

INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
ARAS 1, ENTERPRISE BUILDING 3,
BLOK 2200, PERSIARAN APEC,
CYBER 6, 63000 CYBERJAYA

Berkuat kuasa pada Oktober 2010

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, dan negara.

Falsafah Pendidikan Guru

Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu, dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif, dan berdisiplin.

Cetakan Oktober 2010
Kementerian Pelajaran Malaysia

Hak cipta terpelihara. Kecuali untuk tujuan pendidikan yang tidak ada kepentingan komersial, tidak dibenarkan sesiapa mengeluarkan atau mengulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa-apa cara pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Rektor Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia.

MODUL INI DIEDARKAN UNTUK KEGUNAAN PELAJAR YANG BERDAFTAR DENGAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU, KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA BAGI MENGIKUTI KURSUS PERGURUAN LEPAS IJAZAH SEKOLAH RENDAH (KPLI SR)

MODUL INI HANYA DIGUNAKAN SEBAGAI BAHAN PEMBELAJARAN BAGI PROGRAM TERSEBUT.

Cetakan Oktober 2010
Institut Pendidikan Guru
Kementerian Pelajaran Malaysia

KANDUNGAN | **MUKA SURAT**

Falsafah Pendidikan Kebangsaan	i
Falsafah Pendidikan Guru	i
Kata-Alu-aluan	iii
Panduan Pelajar	iv
Pengenalan	v
Agihan Tajuk Modul	vi
Tajuk Pembelajaran	
Tajuk 1.0 Konsep Asas Moral	1
1.1 Konsep: Etika, Moral dan Akhlak	2
1.2 Konsep Baik, Benar dan Patut	6
1.3 Peraturan Moral, Adat, Agama dan Undang-undang	11
Tajuk 2.0 Nilai dan Teori Etika	16
2.1 Konsep Nilai	17
2.2 Jenis Nilai	17
2.3 Teori Etika	24
Tajuk 3.0 Individual Bermoral	37
3.1 Dimensi Moral	38
3.2 Sifat-sifat Individual Bermoral	40
Tajuk 4.0 Peranan Sosialisasi dalam Pembentukan Tingkah laku Individu	44
4.1 Konsep Sosialisasi	45
4.2 Norma Sosial dan Kawalan Sosial	48
4.3 Tanggungjawab Agen-agen moral	53
Tajuk 5.0 Isu-isu Moral	65
5.1 Isu-isu moral tempatan	66
5.2 Isu-isu moral global	83

Tajuk 6.0 Apresiasi Moral 88
6.1 Tokoh-tokoh tempatan dan antarabangsa 92
6.2 Pertubuhan-pertubuhan / organisasi-organisasi tempatan dan antarabangsa 96

Bibliografi

Panel Penulis Modul
Panel Pemurnian Modul

Ikon Modul

KATA ALU-ALUAN

Peningkatan kualiti pendidikan guru merupakan satu usaha berterusan untuk melahirkan guru yang kreatif, berketerampilan dan berakhlak mulia. Pendidikan Guru adalah bersifat dinamik dan senantiasa disemak dan diubah suai bagi memenuhi keperluan semasa pendidikan negara seperti yang termaktub dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di bawah Program Transformasi Negara (GTP).

Modul ini merupakan usaha Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia dalam meningkatkan kualiti pendidikan guru selaras dengan perubahan semasa dalam arena pendidikan dalam dan luar negara. Dengan pembaharuan pembelajaran yang menggunakan modul akan dapat menggalakkan pembelajaran kendiri yang lebih efektif dan berupaya mengkekalkan kualiti seperti dalam pembelajaran bersemuka. Justeru itu tujuan modul ini digubal adalah untuk menggantikan interaksi bersemuka antara pelajar dengan pensyarah.

Modul Pengajian Asas Pendidikan Moral Kursus Perguruan Lepas I jazah Sekolah Rendah (KPLI SR) menuntut pelajar membuat anjakan minda untuk melahirkan guru permulaan yang kompeten dari segi pengetahuan, kemahiran dan nilai profesionalisme serta berjiwa pendidik yang mampu bersaing di persada global.

(DATUK DR. HAILI BIN DOLHAN)
Rektor
Institut Pendidikan Guru
Kementerian Pelajaran Malaysia
Oktober 2010

PANDUAN PELAJAR

Modul ini disediakan untuk membantu pelajar menguruskan pembelajaran secara bestari (pembelajaran arah kendiri, akses kendiri dan kadar kendiri). Pembelajaran arah kendiri memerlukan pelajar membuat keputusan tentang corak dan gaya pembelajaran mereka. Adalah lebih berkesan jika pelajar menentukan sasaran pembelajaran kendiri dan aras pencapaian mereka.

Modul ini ditulis mengikut susunan tajuk. Latihan-latihan disediakan dalam setiap tajuk untuk membantu pelajar mengingat semula apa yang telah pelajari atau membuatkan pelajar memikirkan tentang apa yang telah baca. Bagi latihan-latihan yang diberikan, adalah lebih membantu jika pelajar berbincang dengan rakan- rakan.

Jumlah kandungan modul ini adalah untuk satu kredit bersamaan dengan lima belas jam interaksi bersemuka dalam bilik kuliah. Modul pembelajaran ini adalah untuk menggantikan interaksi dalam kelas dan untuk menyiapkan tugasan bagi mata pelajaran pengajian asas Pendidikan Moral. Walau bagaimanapun, pelajar digalakkan berbincang dengan pensyarah atau rakan pelajar jika terdapat masalah berhubung dengan modul ini.

Di dalam modul ini beberapa **ikon** digunakan untuk menarik perhatian pelajar agar pada sekali imbas pelajar akan tahu apa yang harus dibuat. Lampiran B menerangkan kepada pelajar makna-makna ikon tersebut.

Semua latihan dan aktiviti di dalam senarai semak hendaklah disiapkan dan dihantar dalam satu folio pembelajaran Pendidikan Moral.

Tip untuk membantu pelajar melalui kursus ini.

1. Peruntukkan satu masa setiap hari untuk memulakan dan mengakhiri pembelajaran pelajar. Patuhi waktu yang diperuntukkan itu. Setelah membaca modul ini teruskan membaca buku-buku dan bahan-bahan rujukan lain yang dicadangkan.

2. Luangkan masa yang mencukupi untuk membaca dan menyiapkan tugasan serta latihan dalam modul.

3. Rujuk sumber lain yang relevan daripada apa yang telah diberikan kepada pelajar. Teliti maklumat yang diterima.

4. Sediakan folio pembelajaran untuk mengumpul semua tugasan dan latihan yang lengkap sebelum dihantar kepada pensyarah.

PENGENALAN

Modul Pendidikan Moral ini digubal bagi pelajar Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah (KPLI SR) Major Prasekolah. Modul ini merupakan modul pembelajaran kendiri yang berjumlah satu kredit bersamaan dengan lima belas jam interaksi bersemuka dalam bilik kuliah.

Agihan tajuk dalam modul ini adalah mengikut sukatan pelajaran Pendidikan Moral KPLI dan disusun mengikut enam tajuk utama iaitu Tajuk 1 – Konsep Asas Moral. Tajuk 2 – Teori Etika, Tajuk 3 – Individu Bermoral, Tajuk 4 – Peranan Sosialisasi dalam Pembentukan Tingkah laku Individu, Tajuk 5 – Isu-isu Moral, Tajuk 6 – Apresiasi Moral.

Bagi setiap tajuk, nota ringkas disediakan untuk membantu pelajar meningkatkan kefahaman terhadap isi kandungan kursus. Selain daripada mempelajari bahan dalam modul ini, pelajar digalakkan merujuk kepada pelbagai sumber lain yang relevan kepada mata pelajaran Pendidikan Moral. Dalam setiap tajuk disediakan aktiviti-aktiviti untuk membantu anda lebih memahaminya.

Semoga modul ini dapat memberikan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan ke arah kecemerlangan pendidikan.

Maklumat Agihan Tajuk dalam Sukatan Pelajaran

Nama Kursus: PENDIDIKAN MORAL

	AGIHAN TAJUK

Kandungan modul ini akan menggantikan satu kredit bersamaan dengan 15 jam bagi menggantikan interaksi bersemuka. Jadual di bawah menjelaskan agihan tajuk-tajuk untuk pembelajaran melalui modul.

Bil.	**Topik**	**Modul (jam)**	**Jumlah Jam**
1	Konsep Asas Moral	3	3
2	Nilai dan Teori Etika	2	2
3	Individu Bermoral	2	2
4	Peranan Sosialisasi dalam Pembentukan Tingkah laku Individu	2	2
5	Isu-isu Moral	4	4
6	Apresiasi Moral	2	2
	Jumlah:	**15**	**15 jam (1 kredit)**

TAJUK 1.0	KONSEP ASAS MORAL

SINOPSIS

Tajuk ini membincangkan konsep-konsep asas moral. Kandungannya meliputi definisi, ciri-ciri, dan implikasinya dalam kehidupan seharian. Konsep baik, benar, dan patut pula menekankan penilaian terhadap sesuatu tingkah laku yang selaras dengan peraturan moral yang diterima oleh sesebuah masyarakat. Tajuk ini juga akan membolehkan pelajar membuat banding beza antara peraturan moral, adat, agama, dan undang-undang. Keseluruhan tajuk ini akan memberikan kefahaman dan kemahiran dalam mengintegrasikan konsep-konsep asas moral dengan amalan kebiasaan mereka membuat keputusan terhadap isu dan situasi moral.

HASIL PEMBELAJARAN

i. Memberi definisi konsep asas moral
ii. Mengenal pasti nilai-nilai murni dalam agama dan kepercayaan tempatan
iii. Menghasilkan refleksi kendiri dalam aplikasi amalan nilai-nilai murni

KERANGKA TAJUK-TAJUK

1.1 Konsep Asas Moral

Sebelum perbincangan bermula, cuba anda fikirkan apakah yang dikatakan sebagai sesuatu amalan atau tindakan bermoral? Apakah yang dimaksudkan tindakan beretika dan berakhlak? Dalam perbincangan yang seterusnya kita akan melihat apakah pertalian antara konsep baik, benar dan patut. Kita juga akan mengenal pasti konsep asas moral dari perspektif peraturan moral, adat, agama dan undang-undang.

(a) Konsep Moral

Moral berasal dari bahasa Latin *moralitas* yang bererti cara, perwatakan dan tingkah laku yang diterima. Konsep moral membawa pengertian kesedaran tentang ajaran atau pegangan berkenaan dengan baik buruk sesuatu perbuatan, sikap atau cara berkelakuan yang sejajar dengan tatasusila dan peratuaran masyarakat. Oleh itu, konsep moral ini merujuk kepada kawalan tingkah laku yang berlandaskan standard-standard yang dihayati serta diamalkan oleh seseorang individu. Seseorang yang dikatakan memiliki tingkah laku yang bermoral jika tingkah laku tersebut berdasarkan prinsip-prinsip atau peraturan-peraturan yang diterima.

Memikir

Cuba anda fikirkan waktu rehat yang sibuk di sebuah kantin sekolah. Berikah tiga contoh perlakuan moral dan tiga contoh perlakuan tidak moral yang mungkin berlaku dalam senario tersebut.

(b) Konsep Etika

Perkataan etika dari bahasa Latin *ethica* merupakan salah satu cabang utama falsafah yang merangkumi kelakuan betul dan kehidupan baik. Etika juga merujuk kepada maksud kebiasaan atau cara. Oleh itu etika boleh ditakrifkan sebagai suatu kajian sains tentang kelakuan manusia dalam masyarakat yang juga merupakan satu set peraturan tingkah laku atau undang-undang yang digubal bersama oleh ahli masyarakat tersebut. Tujuan kod-kod etika yang digubal bersama ini adalah bertujuan sebagai garis panduan kepada tingkah laku sesuatu kumpulan untuk mengawal, menjamin dan melindungi tingkah laku yang bermoral dalam kumpulan tersebut, misalnya etika keguruan, etika guaman dan sebagainya.

Latihan 1

Soalan 1

Cuba anda membezakan antara konsep moral dengan konsep etika dalam konteks di Malaysia.

Perbincangan

Seorang guru kaunseling telah menceritakan keburukan kliennya di dalam bilik guru sewaktu berbual dengan rakan sejawatnya. Perkara yang didedahkan adalah tentang latar belakang keluarga klien yang mempunyai masalah. Klien yang dimaksudkan itu mengalami tekanan lantaran keluarga yang porak peranda. Bincangkan dengan guru-guru dalam bilik guru di sekolah anda menjalani praktikum, sama ada guru kaunseling tersebut melanggar etika kaunseling dan catatkan penjelasan mereka terhadap perkara ini.

(c) Konsep Akhlak

Akhlak berasal dari kata "akhlaq" yang merupakan jama' dari "khulqu" dalam bahasa Arab. Ertinya ialah perangai, budi, tabiat dan adab. Perkataan akhlak secara terminologi bererti tingkah laku seseorang yang didorong oleh suatu keinginan secara sedar untuk melakukan suatu perbuatan yang baik. Perkataan akhlak juga membawa maksud budi pekerti seseorang individu. Budi pekerti di sini merujuk kepada kelakuan atau gerak geri seseorang. Akhlak merupakan sifat semula jadi yang dimiliki individu dan juga sifat yang dimilikinya menerusi latihan dan rangsangan, iaitu batin dan zahir dalam bentuk perlakuan.

Latihan 2

Soalan 1

Terangkan apa yang anda faham tentang ketiga-tiga konsep moral, etika dan akhlak. Jawapan perlu dipaparkan dalam bentuk peta minda yang bersesuaian.

Perbincangan

Secara berkumpulan, bincangkan bagaimanakah etika dan moral dalam masyarakat majmuk seperti masyarakat di Malaysia dapat dipupuk dalam kalangan rakyat bagi mencapai hasrat masyarakat yang maju dan bermoral?

Socrates dari aspek falsafah moral telah mengutarakan bagaimana kita patut hidup.

Dalam bidang psikologi, moral adalah aspek moral yang menentukan sama ada seseorang individu itu bermoral atau tidak.

Di Malaysia, seseorang akan diterima sebagai manusia bermoral sekiranya dia mematuhi peraturan dan undang-undang serta norma masyarakat setempat. Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan Wawasan 2020 adalah tiga panduan untuk membantu seseorang individu menjadi warga yang bermoral di Malaysia.

(Vishalache Balakrishnan, 2009)

Bahan Bacaan

Vishalache Balakrishnan (2009). Pendidikan Moral untuk universiti dan kolej. Shah Alam: Arah Pendidikan Sdn. Bhd.

Layari Internet

Layarilah laman web berikut untuk mendapat maklumat berkenaan **KONSEP ASAS DALAM PENDIDIKAN MORAL** oleh Prof. Madya Dr. Chang Lee Hoon, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya:

http://pendidikanmoral.um.edu.my/uploads/rujukan/kertas%20konsep%20moral.pdf

1.2 Konsep Baik, Benar dan Patut

Sebelum kita mulakan tajuk ini, sila rujuk buku Pendidikan Moral oleh Koo Kee Peng dan Tang Chee Yee (1990), Bab 1.

Individu yang bermoral harusnya memegang kepada konsep baik, benar dan patut.

Contohnya:

Kita patut melakukan apa yang baik dan benar. Anda patut berkelakuan baik. Anda patut makan makanan berkhasiat Menderma adalah satu perbuatan yang baik dan patut dilakukan

Sesuatu tindakan itu dikata ‘baik’ atau ‘benar’ sekiranya tindakan sejajar dengan tugas dan tanggungjawab, dan ‘salah’ jika perlakuan/tindakan bertentangan konsep baik dan benar. Konsep ini adalah agak abstrak dan ahli falsafah yang berlainan telah mentakrifkannya dalam konteks atau pendekatan yang berbeza.

Sesi Refleksi

Cuba anda buat refleksi bagaimanakah kita dapat mengekalkan budaya masing-masing tetapi masih membentuk masyarakat Malaysia yang bermoral tinggi?

(a) Konsep Baik

Menurut Hobbes, baik adalah sebarang objek yang diingini dan buruk adalah sebarang objek yang dibenci.

Lewis pula mengatakan bahawa baik atau buruk merupakan pengalaman seseorang individu secara intrinsik.

Confucious menjelaskan baik ini ditunjukkan melalui tingkah laku sendiri.

Aristotle menganggapkan baik adalah unsur-unsur kebahagian yang ada dan dirasainya. (Tam, 2006)

Sebenarnya idea baik boleh memberi makna yang berbeza mengikut situasi tertentu. Misalnya, “pisang ini baik” merujuk kepada maksud “pisang itu” sedap rasanya. Apabila kita memuji seseorang itu baik hatinya, maka makna “baik” di sini merujuk kepada sifat-sifat yang suka membantu atau empati. Oleh itu, konsep baik merupakan penerimaan atau sikap psikologi individu. Apa yang jelas di sini ialah sesuatu yang baik memang memenuhi keperluan kita serta membawa kepuasan kepada kita.

(b) Konsep Benar

Perkataan “benar” bermaksud betul dan mengandungi ciri-ciri penjelasan nilai. Sesuatu yang dianggap “benar” mempunyai fakta-fakta, sebab-sebab dan bukti-bukti yang sah atau diterima oleh majoriti.

Memikir

Sila baca huraian di bawah dan cuba mentafsirkan apakah yang dimaksudkan “benar”:

a. Kepercayaan kepada Hukum Newton
b. Tuhan
c. Pantang larang

Kepercayaan kepada Tuhan dan menurut ajaran agama merupakan tugas **kebenaran yang mutlak**, iaitu tidak boleh dibahaskan atau dikaitkan dengan perkembangan sains atau amalan-amalan sosial pada bila-bila masa. Manakala Hukum Newton merupakan **kebenaran saintifik** yang boleh dibuktikan dengan fakta-fakta atau maklumat-maklumat yang dikumpul dan dianalisiskan secara saintifik. Pantang larang dan peraturan adat pula merupakan **kebenaran relatif** kerana ini hanya wujud secara relatif. Ini adalah kerana pantang larang yang mungkin benar pada hari ini tetapi dengan perubahan masa mingkin ia akan menjadi salah kemudiannya.

(c) Konsep Patut

"Patut" boleh diertikan seharus, mesti atau sesuai. Moore (1903) menyatakan "patut" membawa erti yang sama dengan "baik" kerana mempunyai unsur bertindak secara waras dan bijaksana. Konsep patut memerlukan penilaian intrinsik yang perlu:

- memberi pertimbangan terhadap satu standard yang boleh diterima oleh manusia
- memberi tafsiran secara psikologi terhadap fakta-fakta yang wujud
- memberi persetujuan kerana mempunyai pendapat yang sama atau mempunyai sifat-sifat yang sama
- tidak setuju dengan sesuatu kelakuan

Memikir



Berdasarkan dialog di atas, berikan pandangan anda serta jelaskan senario tersebut berdasarkan konsep baik, benar dan patut.

Latihan 3

Soalan 1

Terangkan konsep-konsep berikut dengan bahasa sendiri:

Baik	Benar	Patut

Syabas! Anda telah berjaya memahami konsep-konsep asas moral.

Berehatlah sebentar!

1.3 Peraturan Moral, Adat, Agama, dan Undang-Undang

Perbincangan berikut bertujuan mengenal pasti konsep asas moral dari perspektif peraturan moral, adat, agama dan undang-undang. Bahan bacaan untuk bahagian dipetik daripada buku Pendidikan Moral untuk pelajar-pelajar KPLI, LPBS dan PISMP Maktab-maktab Perguruan (Tam, 2006).

(a) Perbezaan antara Peraturan Moral dengan Adat

	Peraturan Moral	**Peraturan Adat**
Perbezaan	▪ Sama dan dipatuhi setiap masa dan di mana-mana tempat	▪ Setiap kaum mempunyai adat sendiri dan penafsiran adat berbeza antara suku kaum ▪ Disampaikan secara lisan ▪ Dipengaruhi oleh perkembangan sosial ekonomi kaum

Memikir

Cuba fikirkan satu kejadian seharian yang boleh membayangakan kelemahan Peraturan Adat dalam masyarakat kita.

(b) Perbezaan antara Peraturan Moral dengan Agama

Perbezaan	▪ Peraturan moral adalah rekaan manusia untuk diikuti demi menjaga kebaikan individu dan masyarakat sejagat ▪ Unsur kerelaan diri sendiri untuk mematuhi peraturan moral ▪ Tidak menentukan tempat dan waktu untuk menjalankan amalan moral	▪ Setiap agama mempunyai peraturan dan nilai murni yang tercatat dalam kitab-kitab suci agama masing-masing ▪ Semua kebaikan yang dilakukan adalah atas diri sendiri dan tanggungjawabnya adalah antara individu dengan Tuhannya ▪ Menetapkan tempat dan waktu untuk sembahyang

Memikir

Walaupun kedua-dua Peraturan Moral dan Peraturan Agama berlainan dari beberapa aspek tetapi masih terdapat banyak persamaan. Cuba nyatakan dua aspek persamaan yang wujud dalam masyarakat kita.

(c) Peraturan Moral dengan Peraturan Undang-undang

Perbezaan	▪ Merupakan satu nilai perikemanusiaan yang merupakan satu persetujuan kelompok manusia tertentu yang tetap kekal dalam hati manusia ▪ Tingkah laku buruk hanya dibenci dan dipandang hina oleh masyarakat	▪ Ditulis, dibahas, dilulus dan dikuatkuasa oleh parlimen ▪ Nilai membentuk tingkah laku adalah lahir daripada kepatuhan individu terhadap undang-undang yang sah ▪ Kesalahan atau kejahatan tingkah laku didenda dengan wang atau penjara

Memikir

Cuba nyatakan kekurangan dalam pelaksanaan denda dan hukuman mengikut Peraturan Undang-undang jika dibanding dengan Peraturan Moral.

Syabas! Anda telah berjaya memahami konsep asas moral.

Anda boleh menerokai tajuk yang seterusnya!

Latihan 4

Cuba uji kefahaman anda dengan menyiapkan soalan-soalan berikut:

1 Nyatakan ayat-ayat berikut berkaitan dengan konsep moral, etika dan akhlak:

a. Pelajar harus bertanggungjawab kepada tugasan dan kerja rumah sendiri.
b. Encik Tan menjalankan tugas sebagai seorang guru yang selalu mematuh kepada etika keguruan.
c. Neela diasuh sejak kecil supaya bersopan santun dan itulah sebab dia senang bergaul dengan rakan sekerja kemudiannya.

2 Di Malaysia, seorang individu dianggap bermoral sekiranya dia

_____

_____

3 Pegangan peraturan moral di Barat dan di Malaysia tidak boleh disamakan atas sebab:

_____

_____

4 Lengkapkan jadual di bawah:

	Peraturan Moral	Peraturan Adat	Peraturan Agama	Peraturan Undang-undang
Kesan kalau tidak diamalkan				

Buku Rujukan

Bacaan Asas

Abdul Rahman Md.Aroff (1999). Pendidikan moral teori etika dan amalan Moral, Serdang: Penerbit UPM.

Eow, B.H. (2000). Pendidikan Moral. Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.

Koo, K.P. & Tang, C.Y. (1990). Pendidikan Moral. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.

Rujukan

Ahmad Khamis (1999). Etika (Pendidikan Moral) untuk Institusi Pengajian Tinggi. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Rajendram, N.; Ee, A.M. (1994). Pendidikan Moral (Dinamika Guru). Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Tam, Y.K. (2006). Pendidikan Moral: Konsep dan pedagogi Pendidikan Moral untuk pelajar-pelajar KPLI, LPBS dan PISMP Maktab-maktab Perguruan. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Vishalache Balakrishnan (2009). Pendidikan Moral untuk universiti dan kolej. Shah Alam: Arah Pendidikan Sdn. Bhd.

Laman Web

http://pendidikanmoral.um.edu.my/uploads/rujukan/kertas%20konsep%20moral.pdf

http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/1Malaysia_B.pdf

TAJUK 2.0	NILAI DAN TEORI ETIKA

SINOPSIS

Tajuk ini bertujuan memberikan pengetahuan kepada pelajar tentang pelbagai jenis nilai dalam etika dan moral. Kefahaman tentang jenis nilai ini akan memberikan penjelasan tentang pegangan nilai antara individu, peraturan yang termaktub dan nilai-nilai sejagat. Teori etika pula akan membantu pelajar melihat perbezaan pandangan dalam membuat penilaian tindakan manusia daripada pelbagai asas teori. Antaranya Teori Teleologi berasaskan kesan sesuatu tindakan, Teori Deontologi melihat kepada motif tindakan manakala "Virtue" berdasarkan tindakan yang disifatkaan sebagai "jalan tengah" dan berkeperibadian mulia.

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir tajuk ini, pelajar boleh:

i. Menghubungkait dan mengaplikasi konsep nilai dan teori etika dalam kehidupan seharian

ii. Menyatakan pantang larang masyarakat dan agama dalam menjaga kerukunan sosial dan pembentukan sifat peribadi mulia.

KERANGKA TAJUK-TAJUK



2.1Konsep Nilai

Tajuk yang seterusnya akan menumpu kepada konsep nilai, jenis-jenis nilai dan teori etika. Teori Etika Teleologikal, Teori Deontologi dan Teori Virtue akan dihurai seterusnya.

Nilai merupakan standard dan prinsip kita dalam mempertimbangkan harga sasuatu benda. Nilai juga merupakan kriteria bagi kita mempertimbangkan sesuatu benda, situasi dan manusia. Dengan ini, nilai jelas dilihat sebagai suatu kualiti, motif atau piawai norma yang ada dalam pertalian antara benda, fikiran dan pemilikan.

Secara amnya, nilai bertindak sebagai ukuran yang membantu individu mengenal pasti kedudukannya dalam sesuatu isu sosial atau moral. Nilai juga berfungsi sebagai dasar untuk menentukan apakah yang harus dicabar, dihujah, diubah atau dipertahankan. Ia merupakan panduan untuk menyelesaikan konflik serta membuat keputusan dan menghadkan perlakuan seseorang.

2.2 Jenis-jenis Nilai

Individu selalunya menggunakan sesuatu nilai dalam pelbagai konteks dan cara. Oleh itu wujudlah pelbagai jenis nilai, iaitu:

i. Nilai Instrumental berbanding dengan Nilai Instrinsik
ii. Nilai Objektif berbanding dengan Nilai Subjektif
iii. Nilai Mutlak berbanding dengan Nilai Relatif

i. Nilai Instrumental berbanding dengan Nilai Instrinsik

Nilai-nilai ini digunakan untuk menunjukkan hubungan antara nilai.

Nilai Instrumental (Ekstrinsik)	***Nilai Intrinsik***
▪ Kualiti yang diterima atau ditolak sebagai alat mencapai sesuatu matlamat ▪ Bergantung pada nilai lain untuk mencapai sesuatu matlamat ▪ Nilai peringkat kedua, misalnya berani, rajin dan hormat-menghormati Contoh: Dia belajar dengan begitu rajin supaya boleh mendapat keputusan PMR yang cemerlang. Huraian: Nilai rajin diamalkan atas rmatlamat mencapai kejayaan hidup.	▪ Kualiti yang diterima atau ditolak semata-mata kerana ia baik atau buruk tanpa mengambil kira kesannya ▪ Tidak bergantung pada nilai lain untuk mencapai sesuatu matlamat ▪ Nilai tersebut sendiri sebagai matlamat akhir ▪ Nilai peringkat pertama, misalnya baik hati, kasih sayang, keadilan Contoh: Kasih sayang ibu bapa terhadap anaknya. Huraian: Kasih sayang ibu bapa adalah lahir semulajadi dan bukan kerana untuk mendapatkan balasan daripada anak mereka.

ii. Nilai Objektif berbanding dengan Nilai Subjektif

Nilai Subjektif	***Nilai Objektif***
▪ Kualiti yang diterima atau ditolak oleh seseorang yang memberikan pandangan ▪ Diterima atau ditolak mengikut pandangan seseorang individu Contoh: Saya tidak bimbang tentang penyakit AIDS. Saya kenal rakan-rakan saya dan mereka tidak menghidapnya. Lagipun tidak banyak dalam kalangan yang saya kenal. Huraian: Pandangan berkenaan AIDS merupakan nilai-nilai yang diterima oleh seseorang itu sendiri.	▪ Kualiti yang bernilai atau sebaliknya yang bebas daripada pilihan peribadi ▪ Diterima atau ditolak berdasarkan satu set kriteria yang dipersetujui oleh semua atau kebanyakan orang Contoh: AIDS adalah suatu isu moral. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), AIDS mengancam nyawa setiap individu, termasuklah kanak-kanak. Huraian: Pandangan berkenaan AIDS merupakan nilai-nilai yang diterima dan dipersetujui kebanyakan orang.

iii. Nilai Mutlak berbanding dengan Nilai Relatif

Nilai Mutlak (absolute)	***Nilai Relatif***
▪ Nilai yang kebaikannya tidak bergantung kepada situasi atau peraturan khusus sesetengah masyarakat ▪ Sifatnya kekal dan diterima umum dan telah diuji oleh masa sebagai sesuatu yang baik ▪ Kekal sepanjang masa dan di semua tempat serta hampir semua situasi norma masyarakat	▪ Nilai yang diingini atau tidak diingini sebagai alat peraturan masyarakat untuk mencapai matlamat masyarakat yang muktamat ▪ Sifatnya tidak menentu, tidak sempurna dan berbeza-beza antara masyarakat yang berlainan ▪ Nilai dianggap berbeza oleh masyarakat yang berlainan, malah dalam masyarakat yang sama, nilai itu mungkin boleh berubah mengikut masa
Contoh: Hukuman mati atas pesalah yang didapati membunuh seseorang yang lain.	Contoh: Penggunaan Bahasa Inggeris di papan tanda.
Huraian: Nilai keadilan dianggap mutlak apabila seseorang yang didapati bersalah membunuh seseorang yang lain akan dihukum. Jika ini berlaku pada masa dan tempat yang lain, hukuman yang sama juga akan dijatuhkan terhadap pembunuh.	Huraian: Pandangan berkenaan pada satu ketika dahulu dianggap sebagai tidak patrioktik. Tanggapan sedemikian berubah apabila kerajaaan memargabatkan Bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan hari ini.

Rumusan

Nilai merupakan satu aspek penting dalam mencorakkan budaya hidup manusia. Sistem nilai terbentuk melalui proses pengukuhan dan penerimaan nilai dan sistem sosial. Ia adalah penting dalam hubungan sosial atau individu dengan masyarakat untuk menjamin kestabilan masyarakat dan kehidupan yang baik sesama manusia. Oleh itu, nilai moral biasanya merupakan sesuatu yang normatif atau patut dilakukan. Manakala nilai bukan moral adalah yang sebaliknya. Individu yang menghayati sesuatu nilai akan melakukan sesuatu yang berkaitan dengan nilai itu. Sebaliknya dia tidak akan melakukan sesuatu yang dirasakan bercanggah dengan nilai yang diamalkannya.

Mengumpul Maklumat

Cuba anda cari berita yang mengandungi pernyataan berkaitan nilai instrumental, intrinsik, subjektif, objektif, relative dan mutlak. Berita-berita boleh dipetik daripada akhbar, jurnal, majalah atau muat turun daripada internet. Kongsikan maklumat carian anda bersama rakan-rakan kursus.

Syabas! Anda telah berjaya memahami konsep nilai.

Berehatlah sebentar!

Latihan 1

Cuba uji kefahaman anda dengan menyiapkan latihan berikut

Soalan 1

Lengkapkan jadual di bawah:

Huraian Contoh	Jenis Nilai
Elain berkawan dengan Jason kerana Jason seorang kaya dan kacak.	
Seseorang yang mengamalkan nilai baik hati di mana sahaja dia berada tanpa mengambil kira kesannya.	
Kamu dikenakan hukuman penjara 10 tahun kerana menerima rasuah semasa menjalankan tugas.	
Alex suka menghisap rokok untuk melepaskan tekanan walaupun dia selalu diingatkan bahawa menghisap rokok akan merosakkan kesihatan.	
Anak dituntut menghormati ibu bapa.	
Amalan rumah terbuka pada hari perayaan merupakan amalan di Malaysia tetapi bukan di masyarakat Barat.	

Perkongsian Ilmu melalui Internet

Dengan menggunakan peta grafik, banding beza keenam-enam jenis nilai. Kongsikan hasil peta grafik bersama rakan-rakan kursus melalui email atau "*facebook*".

2.3 Teori-teori Etika

Sekarang kita akan meneruskan penerokaan ke alam Teori Etika. Di bawah tajuk ini anda akan memahami teori-teori etika yang berkenaan tingkah laku manusia yang betul atau wajib. Teori-toeri etika yang akan diterokai termasuklah teori teleologikal, teori deontologikal, teori kemoralan sosial dan teori keperibadian mulia.

2.3.1 Teori Teleologikal

Teori ini mengatakan bahawa nilai “betul” atau “salah” bergantung kepada kesan sesuatu perbuatan. Keputusan yang terakhir bergantung kepada jumlah badingan perkara-perkara baik atau betul yang dilakukan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, iaitu perbandingan antara baik dan buruk, betul dan salah. Ini bererti sesuatu tindakan atau perbuatan perlu dilakukan sekiranya ia membawa lebih banyak atau bertujuan membawa lebih banyak kebaikan daripada keburukan mengikut peraturan yang berkenaan. Teori teleologikal amat mementingkan hasil akibat sesuatu tindakan. Teori teleologikal boleh dilihat daripada dua perspektif, iaitu utilitarianisme dan egoime.

a. Teori Utilitarianisme

Teori Utilitarianisme adalah berkaitan dengan tindakan seseorang yang berasaskan tujuan memaksimumkan kebahagiaan atau keseronokan majoriti.

- Individu patut melakukan sesuatu tindakan yang menghasilkan kebaikan maksimum kepada setiap orang atau membawa kebahagiaan maksimum kepada majoriti
- Sesuatu perlakuan itu dianggap baik atau benar mengikut kadar atau pertimbangan kebahagiaan yang diharapkan dapat diperoleh

Contoh:

Peperangan dan cara peperangan dianggap wajar jika ia menghasilkan kebahagiaan dan kebaikan melebihi kesengsaraan dan penderitaan yang dialami dalam situasi tertentu dibenarkan melakukan perkara tidak baik demi mengelakkan berlakunya perkara yang lebih buruk.

Contoh:

Mendera dengan keras orang yang melakukan kesalahan untuk mengelakkan kekacauan, kerugian, kerosakan, kejahatan atau kecelakaan yang lebih besar.

Merenung sebentar

Apakah kritikan terhadap teori utilitarianisme ?

Membuat Nota

- Mudah berkonflik dengan prinsip keadilan moral kerana sesuatu tindakan yang baik dan betul sekiranya ia menggalakkan keseronokan maksimum, dan tindakan itu adalah buruk dan patut ditolak sekiranya ia membawa kesengsaraan. Aspek kewajipan dan tanggungjawab tidak dipertimbangkan.

b. Teori Egoisme

Teori egoisme adalah satu teori yang menyatakan bahawa sesuatu tindakan itu adalah “betul” jika ianya membawa kebaikan kepada diri sendiri dan sesuatu itu “buruk” jika ia membawa keburukan kepada diri sendiri.

Merenung sebentar

Apakah kritikan terhadap teori egoisme ?

Membuat Nota

Individu yang berpegang kepada teori egoisme hanya memikirkan diri sendiri dan kebaikan serta kepuasan yang diperoleh daripada tindakan tersebut, iaitu kepentingan orang lain diketepikan.

Merenung sebentar

Puan Fatimah telah melakukan satu kerja amal, iaitu membersih dan mencucu kawasan halaman di rumah orang tua. Dia berasa begitu puas hati dan gembira setelah membantu rumah orang tua. Cuba anda fikirkan adakah tindakan Puan Fatimah menepati teori egoisme? Mengapa?

Individu mempunyai obligasi atau kewajipan moral untuk mengambil keputusan dan bertindak dengan merujuk kepada ukuran moral yang meningkatkan kebajikan diri sendiri. Sebagai seorang sukarelawan/sukarelawati, dengan memberi sumbangan kepada orang yang memerlukannya, individu berasa puas dan kepuasan tersebut membawa kebaikan kepada diri sendiri. (Vishalache Balakrishnan, 2009)

Mengumpul Maklumat - cadangan

Cuba anda mencari maklumat berkenaan bukti-bukti yang menunjukan aplikasi teori teleologikal dalam sistem kemoralan di negara kita. Bukti-bukti anda boleh meliputi aspek politik, ekonomi, sosial dan pendidikan. Anda bolehlah menghantar maklumat anda melalui email kepada pensyarah kursus ini untuk mendapat maklum balas daripadanya.

2.3.2 Teori Deontologi

Teori ini menolak apa yang diperakui oleh teori teleologikal. Menurut teori ini, akibat/kesan sesuatu perlakuan adalah tidak dititikberatkan. Apa yang lebih penting ialah sifat perlakuan atau ciri-ciri peraturan itu.

Sesuatu perlakuan sama baik atau buruk, benar atau salah adalah berdasarkan prinsip moral dan kewajipan moral yangbernilai intrinsik. Oleh itu, kita perlu memahami kewajipan dan peraturan moral yang sedia ada sebelum kita mula memilih sesuatu tindakan moral yang betul. Perlakuan kita dianggap bermoral jika mengikut kewajipan dan sebaliknya. Teori Deontologi boleh dibahagikan kepada dua prinsip utama, iaitu Prinsip Kewajipan dan Prinsip Eksistensialisme.

a. Prinsip Kewajipan

Prinsip Kewajipan dikemukan oleh Immanuel Kant (1724-1804) yang menegaskan pelaksanaan tanggungjawab semata-mata kerana pelaksanaan itu merupakan satu tanggungjawab. Tanggungjawab merupakan satu nilai utama menentukan sama ada tindakan itu bermoral atau tidak.

Ramai ahli kemoralan merumuskan tanggungjawab kemoralan berdasarkan keagamaan, tetapi terdapat tanggungjawab yang tidak berubah mengikut agama atau adat resam, misalnya tidak membunuh, tidak berzina atau tidak menipu dalam apa jua keadaan merupakan peraturan universal. Menurut Kant, sesuatu tindakan yang betul perlu selari dengan kemoralan universal. Maka, kita tidak perlu membuat pertimbangan tentang kesan tindakan (Teori Teleologikal) sebelum kita membuat keputusan.

Merenung sebentar

Apakah kritikan terhadap amalan Prinsip Kewajipan ?

Membuat Nota

Menurut Prinsip Kewajipan, individu bertanggunjawab terhadap diri, keluarga, agama dan negaranya. Kadang-kala individu tersebut akan berdepan dengan keadaan yang wujudnya dua kewajipan yang berkonflik. Misalnya, dia perlu menunaikan kewajipannya sebagai suami untuk menjaga isteri yang sakit, dan dia juga perlu menjalankan kewajipannya sebagai seorang guru yang perlu menghadiri mesyuarat di sekolah. Oleh kerana kedua-dua kewajipan perlu dilaksana pada masa yang sama, maka dia menghadapi kesukaran untuk memilih yang mana satu kewajipan perlu diberi keutamaan. Ini merupakan satu kelemahan Prinsip Kewajipan yang selalu dikritik.

Perbincangan

“Berbohong jika keadaan itu memerlukan”.

Cuba anda fikirkan adakah tindakan “berbohong untuk menyembunyikan mangsa daripada dibunuh beramai-ramai dalam peperangan” merupakan sesuatu tindakan yang betul?

Adakah anda setuju untuk menjadikan prinsip “berbohong jika menguntungkan dan sesuai untuk kamu” sebagai prinsip kemoralan sejagat?

Buatlah perbincangan dengan rakan-rakan sekerja anda dalam sekolah praktikum anda.

b. Prinsip Eksistensialisme

Prinsip Eksistensialisme menegaskan bahawa nilai baik buruk mesti berasaskan pilihan individu secara bebas. Menurut Sartre (1905-1980) seorang ahli falsafah Perancis berpendapat bahawa peraturan dan prinsip kemoralan adalah terlalu abstrak, subjektif dan berubah-ubah. Beliau juga menyatakan bahawa tidak ada satu set peraturan yang boleh digunakan oleh manusia untuk menentukan tindakan bermoral. Oleh itu, relativisme individu dianggap sebagai mutlak. Tindakan baik atau buruk adalah berasaskan kepada pilihan individu secara bebas. Individu akan bebas bertindak dan dialah yang bertanggungjawab terhadap tindakannya sendiri. Sebagai contoh, peperangan dan konflik antara ras adalah tanggungjawab manusia yang menimbulkan masalah-masalah tersebut. Maka, manusia yang juga menyelesaikan masalah tersebut. Ini adalah kerana manusia perlu bertanggungjawab terhadap pertimbangan dan tingkah laku moralnya sendiri.

Merenung sebentar

Apakah kritikan terhadap amalan Prinsip Eksistensialisme ?

Membuat Nota

Individu yang berpegang kepada prinsip Eksistensialisme hanya berpegang kepada prinsip sesuatu nilai yang baik atau buruk mesti berasaskan kepada pilihan individu secara bebas. Kadang-kala nilai pilihan individu ini tidak mengambil kira prinsip moral keluarga dan masyarakat setempat, malah mempunyai standard moral yang jauh berbeza.

2.3.3 Teori Kemoralan Sosial

Teori Kemoralan Sosial cenderung mengaitkan peraturan masyarakat dengan konsep etika. Ia merujuk kepada standard atau ukuran moral yang merangkumi nilai-nilai yang mementingkan masyarakat. Individu bukan sebagai matlamat kemoralan. Nilai atau peraturan ini adalah ukuran dan persetujuan masyarakat . Oleh itu individu bertanggungjawab untuk mematuhi standard moral ini demi menjaga kerukunan sosial yang sedia ada. Sebagai contoh, Umat Hindu dikehendaki mengamalkan apa yang diperintahkan dan menjauhi apa yang dilarang menerusi dharma dan ahimsa. (Rujuk Buku Abdul Rahman Md. Aroff)

Merenung sebentar

Apakah kritikan terhadap amalan Teori Kemoralan Sosial ?

Membuat Nota

Individu yang berpegang kepada teori kemoralan sosial menghadapi kesukaran menyesuaikan diri dengan peraturan dan situasi masyarakat yang baru sedangkan masa dan keadaan sekeliling selalu berubah.

Perbincangan

Bincang bersama rakan-rakan kursus anda berkenaan pelaksanaan teori kemoralan sosial dalam zaman dunia informasi dan globalisasi. Dicadangkan perbincangan dibuat melalui "*blogging*" atau "*facebook*".

2.3.4 Teori Keperibadian Mulia (Virtue)

Menurut teori keperibadian mulia, etika adalah berkaitan dengan keperibadian, sifat perangai dan ciri watak yang mulia. Teori ini mula-mula sekali dikemukakan oleh Aristotle. Menurut beliau bahawa keperibadaian yang mulia ini boleh dimiliki dan diperoleh oleh individu melalui latihan dan mengamalkannya selalu sehingga menjadi satu tabiat atau kebiasaan yang menyeronokkan dan menyenangkan.

Teori ini menyatakan bahawa setiap keperibadian yang mulia merupakan "jalan tengah", iaitu sesuatu nilai yang diamalkan itu adalah tidak berlebihan dan tidak juga terlalu kurang. Contohnya, seseorang yang mengamalkan nilai berani hendaklah mengelakkan diri daripada perkara yang terlalu merbahaya tetapi bukan semua bahaya. Teori ini menekankan cara-cara ideal untuk individu menjadi seorang insan yang mulia.

Merenung sebentar

Apakah kritikan terhadap amalan

Teori Keepribadian Mulia ?

Perbincangan

Seorang jutawan ingin mendermakan sebilangan wangnya kepada orang miskin. Pada pendapat anda, adakah "jalan tengah" boleh membantu jutawan ini menganggarkan ciri dan situasi setiap orang yang memerlukan bantuannya? Adakah "jalan tengah" boleh membantunya menanggarkan kesan kerja amalnya? Seterusnya bincangkan pendapat anda bersama rakan-rakan sekerja dalam sekolah praktikum anda.

Membuat Nota

Amalan "jalan tengah" dikatakan tidak dapat memberi bimbingan dan nasihat yang praktikal kerana apa yang dianggap "patut" dan "sederhana" adalah tidak jelas. Kerumitan ini meruncing apabila seseorang melakukan sesuatu yang melibatkan orang lain.

(Abdul Rahman Md. Aroff, 1999)

Tutorial

Rumuskan jenis-jenis nilai dan teori-teori etika dalam pengurusan grafik yang berlainan. Seterusnya membincangkan rumusan anda bersama pensyarah dan rakan-rakan kursus semasa tutorial bersemuka atau tutorial maya.

Anda boleh membuat rujukan tambahan dalam buku:

1. Abdul Rahman Md.Aroff (1999). Pendidikan moral teori etika dan amalan Moral, Serdang: Penerbit UPM – Bab 2, Bab3 dan Bab4

2. Tam, Y.K. (2006). Pendidikan Moral: Konsep dan pedagogi Pendidikan Moral untuk pelajar-pelajar KPLI, LPBS dan PISMP Maktab-maktab Perguruan. Kuala Lumpur, Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. – Bab 2

Latihan 2

1. Individu menggunakan sesuatu nilai dalam pelbagai konteks dan cara. Justeru, wujudlah pelbagai bentuk nilai. Senaraikan jenis-jenis nilai tersebut.

   _____

   _____

2. Nilai _____ dan nilai _____ digunakan untuk menunjukkan hubungan antara nilai.

3. Teori Teleologikal menyatakan sesuatu nilai sama ada betul atau salah adalah bergantung kepada _____.

4. Teori _____ lebih mementingkan sifat perlakuan atau ciri-ciri peraturan itu dalam menentukan sama ada nilai itu adalah betul atau salah, akibat/kesan sesuatu perlakuan adalah tidak dititikberatkan dalam teori ini.

5. Menurut teori _____, tanggungjawab merupakan satu nilai utama menentukan sama ada tindakan itu bermoral atau tidak.

6. Teori Keperibadian Mulia menyatakan bahawa setiap keperibadian yang mulia merupakan _____, iaitu sesuatu nilai yang diamalkan itu adalah tidak berlebihan dan tidak juga terlalu kurang.

7. Teori _____ cenderung mengaitkan peraturan masyarakat dengan konsep etika. Standard atau ukuran moral merangkumi nilai-nilai yang mementingkan masyarakat dan individu bukan sebagai matlamat kemoralan.

Syabas! Anda telah berjaya memahami nilai dan teori etika.

Anda boleh menerokai tajuk yang seterusnya!

Bacaan Asas

Abdul Rahman Md.Aroff (1999). Pendidikan moral teori etika dan amalan Moral, Serdang: Penerbit UPM.

Eow, B.H. (2000). Pendidikan Moral. Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.

Koo, K.P. & Tang, C.Y. (1990). Pendidikan Moral. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.

Tam, Y.K. (2006). Pendidikan Moral: Konsep dan pedagogi Pendidikan Moral untuk pelajar-pelajar KPLI, LPBS dan PISMP Maktab-maktab Perguruan. Kuala Lumpur, Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Rujukan

Abdul Rahman Md. Aroff & Chang, L.H. (1994). Pendidikan Moral.Petaling Jaya : Longman Malaysia Sdn.Bhd.

Hena Mukherjee et al. (1992). Strategi pengajaran Pendidikan Moral KBSM.Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn.Bhd.

Koo, K.P. & Tang, C.Y. (1990). Pendidikan Moral.Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.

TAJUK 3.0	INDIVIDU BERMORAL

SINOPSIS

Tajuk ini bertujuan memberikan kefahaman kepada pelajar tentang komponen dimensi moral yang terdiri daripada penaakulan, emosi dan tingkah laku moral. Ketiga-tiga dimensi ini melihatkan potensi pemikiran, penghayatan, dan amalan moral. Ini penting kepada individu untuk memnampilkan ciri-ciri insan bermoral yang berpegang kepada prinsip-prinsip asas moral (altruisme, keadilan, autonomi/kebebasan, menghormati setiap ahli masyarakt).

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir tajuk ini, pelajar boleh:

i. Menghubungkait komponen dimensi moral
ii. Membincang sifat-sifat individu bermoral dan mengaplikasikan dalam menangani masalah dalam kehidupan seharian

KERANGKA TAJUK-TAJUK



1.1 Dimensi Moral

Seorang insan yang berakhlak mulia yang sempurna mengamalkan ketiga-tiga dimensi moral, iaitu

a. **Pemikiran Moral** yang merupakan penaakulan dan pertimbangan secara rasional dan bebas. Ini bermaksud seserong individu yang mempunyai pemikiran moral dapat memikirakan sesuatu dilema moral dan membuat pertimbangan berasaskan prinsip moral dan nilai-nilai moral yang diterima oleh masyarakat setempat. Prinsip keadilan dipentingkan semasa membuat sesuatu keputusan.

b. **Perasaan Moral** merupakan kehalusan emosi individu yang mengandungi sentimen, empati, simpati, prihatin, belas kasihan, bermotivasi dan murah hati. Perasaan yang bermoral ini membawa kepada tindakan yang bermoral.

c. **Tindakan Moral** merupakan tingkah laku dan perlakuan individu terhadap semua keputusan yang ditunjukkan dengan penuh tanggungjawab tetapi mengikut kemampuan dirinya. Tindakan moral ini adalah hasil dariapada pemikiran moral dan perasaan moral yang mendorong seseorang bertindak secara bermoral.

Memikir

Apakah kepentingan ketiga-tiga dimensi ini dalam membentuk seorang insan yang mulia?

1.2 Model Insan Moral

Model Insan Moral menekankan perwatakan yang positif harus terdiri daripada tiga dimensi moral, iaitu pemikiran moral, perasaan moral dan tindakan moral. Ketiga-tiga dimensi ini adalah perlu untuk membolehkan seseorang individu mencapai tahap kematangan moral.

Dari sudut dimensi pemikiran moral, seseorang yang berupaya menaakul secara bermoral akan membuat pertimbangan dengan menggunapakaikan nilai-nilai moral seperti rasional, kreatif, adil dan sebagainya. Dengan adanya pemikiran moral, dia tidak akan bertindak membuta-tuli.

Dimensi perasaan moral membolehkan seseorang melahirkan perasaan negatif seperti malu, bimbang atau bersalah sekiranya dia dalam keadaan yang tidak patut. Manakala dia akan berasa bersimpati, empati dan bertimbang rasa sekiranya keadaan itu memerlukan bantuannya. Rajah 1 yang berikut mempamerkan kombinasi ketiga-tiga dimensi pemikiran moral, perasaan moral dan tindakan moral yang seterusnya membentuk satu model insan moral.



Rajah 1: Model Insan Moral

Perkembangan moral yang meliputi ketiga-tiga dimensi ini akan menyubur dan merangsang lagi kesedaran hati nurani yang menyebabkan individu berkenaan berasa gembira membuat apa yang patut dan betul. Sebaliknya, kesedaran hati nurani ini akan menyebabkan individu berasa bersalah jika melakukan sesuatu yang tidak betul atau tidak bermoral.

Memikir

Pemikiran moral dan perasaan morali perlu ditunjuk melalui tindakan moral seseorang supaya ketiga-tiga dimensi ini adalah konsisten. Apa akan terjadi sekiranya seseorang itu boleh membuat pemikiran moral dan emosi moral tetapi tidak dilaksanakan dalam tindakan?

1.3 Sifat-sifat Individu yang Bermoral

Sifat-sifat moral seseorang individu boleh dilihat melalui perlakuan yang menggambarkan sifat pemikiran kejiwaaannya. Terdapat berbagai pendapat dalam menentukan sifat-sifat insan bermoral kerana masing-masing mempunyai fahaman yang tersendiri. Walau bagaimanapun, tiga prinsip utama telah dikemukakan sebagai panduan menentukan insan bermoral, iaitu: prinsip keadilan, prinsip alturisme dan prinsip autonomi.

a. **Prinsip Keadilan** mementingkan saksama, seimbang, sama rata dan sama rasa. Namun begitu tidak juga menunjukkan keadilan bila seseorang yang bekerja lebih tetapi masih mendapat layanan yang sama. Bayaran setimpal adalah keadilan bagi mereka dan bukan hanya sama dengan orang lain. Keadilan merupakan satu prinsip moral yang mempertimbangkan prosedur

untuk mengagihkan keuntungan antara individu dan masyarakat. Keadilan juga membawa makna tidak pilih kasih, tidak tamak untuk kepentingan diri sendiri.

b. **Prinsip Alturisme** adalah perlakuan atau tindakan yang mempunyai ciri-ciri bertujuan untuk kebaikan orang lain mengatasi kepentingan diri sendiri. Keputusan yang diambil dan tindakan yang dijelmakan bersifat moral dan berkeperimanusiaan. Alturisme melahirkan perasaan kasih sayang, simpati dan empati yang seterusnya menghilangkan rasa pentingkan diri sendiri, kebencian dan tamak. Sebagai contoh, seluruh dunia tanpa mengira bangsa telah bersatu padu menyumbangkan tenaga dalam bentuk tenaga dan wang ringgit untuk membantu mangsa Tsunami di Aceh, India, Bangkok dan lain-lain. Mereka menderma untuk meringankan bebanan yang ditanggung oleh mangsa yang hidup dan anak-anak yatim yang kehilangan ibubapa.

c. **Prinsip Autonomi** menerangkan konsep pertimbangan bebas dan kebebasan memilih. Sekiranya pertimbangan dan tingkah laku yang dibuat oleh seseorang akibat paksaan dari luar adalah tidak boleh dikategorikan sebagai tindakan moral. Ini disebabkan individu yang dipaksa membuat pertimbangan adalah tidak berupaya bertingkah laku secara rasional dan adil. Tingkah laku tersebut hanya mematuhi perintah dan kuasa luar. Sebagai contoh, Nazri memilih tidak merokok kerana dia sedar bahawa merokok membahayakan kesihatan. Dia tidak merokok bukan kerana dia takut dimarah ibubapa/guru tetapi kerana kesedaran dalaman yang tinggi dan tidak mudah dipengaruhi oleh sesiapapun.

Rumusan

Individu yang bermoral perlu mengikuti prinsip-prinsip moral, iaitu keadilan, alturisme dan autonomi. Individu moral seharusnya peka dan memahami terhadap keperluan peraturan dalam masyarakat, mempunyai sifat-sifat peribadi mulia, mendokong etika seperti kemurahan hati, kemanusian, kerasionalan dan kesejagatan.

Latihan 1

1. Nyatakan ketiga-tiga dimensi moral yang membentuk insan bermoral.

   _____

2. Terangkan prinsip-prinsip moral dalam jadual di bawah:

Prinsip Keadilan	Prinsip Autonomi	Prinsip Alturisme

3. Nyatakan ciri-ciri individu yang bermoral menurut Model Insan Moral.

   _____

   _____

Bacaan Asas

Abdul Rahman Md.Aroff (1999). Pendidikan moral teori etika dan amalan Moral, Serdang: Penerbit UPM.

Eow, B.H. (2000). Pendidikan Moral. Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.

Koo, K.P. & Tang, C.Y. (1990). Pendidikan Moral. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.

Rujukan

Abdul Rahman Md. Aroff & Chang, L.H. (1994). Pendidikan Moral.Petaling Jaya : Longman Malaysia Sdn.Bhd.

Hena Mukherjee et al. (1992). Strategi pengajaran Pendidikan Moral KBSM.Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn.Bhd.

Koo, K.P. & Tang, C.Y. (1990). Pendidikan Moral.Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.

TAJUK 4.0	PERANAN SOSIALISASI DALAM PEMBENTUKAN TINGKAH LAKU

SINOPSIS

Tujuan tajuk ini adalah untuk membolehkan pelajar mengenal pasti peranan agen-agen moral yang dominan seperti keluarga, rakan sebaya, komuniti dan masyarakat. Pelajar juga akan menyatakan norma dan kawalan insan yang mempengaruhi tingkah laku moral individu. Oleh itu mereka perlu mencari cara untuk menjalin hubungan antara agen moral bagi membentuk norma insan ke arah mewujudkan masyarakat bermoral dan harmoni.

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir tajuk ini, pelajar boleh:

i. Menghuraikan tanggungjawab dan peranan agen-agen moral
ii. Menghasilkan penulisan reflektif mengenai sumbangan diri terhadap masyarakat, negara dan dunia
iii. Menjelaskan peranan agensi-agensi tempatan dan antarabangsa dalam menangani masalah sosial.

KERANGKA TAJUK-TAJUK



TAJUK 4	PERANAN SOSIALISASI DALAM PEMBENTUKAN TINGKAH LAKU MORAL INDIVIDU

4.1 Konsep Sosialisasi

Tajuk kita kali ini berkaitan dengan konsep dan peranan sosialisasi dalam pembentukan tingkah laku moral indidu.Tajuk ini juga mengandungi pecahan yang lebih kecil iaitu norma sosial dan kawalan sosial serta tanggungjawab agen-agen moral.

Sosialisasi merupakan proses seseorang individu mempelajari dan menerima nlai,sikap ,kemahiran yang dipunyai oleh keluarga/masyarakat bagi membentuk personalitinya yang tersendiri untuk menjadi ahli masyarakat tersebut.Sosialisasi dapat membantu seseorang memainkan peranan sosialnya dengan sempurna.Misalnya seorang guru akan sedar dan tahu peranan dan tanggungjawab tentunya akan mengasuh dan menyayangi anak muridnya.Seorang anak dan pelajar juga akan tekun belajar jika ia sedar bahawa itu adalah tanggungjawabnya dan harapan ibu bapanya.Jadi, sosialisasi menyedarkan seseorang tentang apa yang patut dan tidak patut dilakukan.
Sosialisasi dapat membantu mengekalkan idea-idea,nilai-nilai dan pola-pola tingkah laku yang menyatukan masyarakat supaya terus kekal walaupun ahli-ahli masyarakatnya silih berganti..Melalui sosialisasi kebudayaan manusia dapat dipindahkan daripada satu generasi kepada generasi yang lain.

Tanpa sosialisasi seseorang tidak dapat berinteraksi,bekerja dalam satu kumpulan atau melakukann kawalan diri.
Sosialisasi berlaku secara sedar dan tidak sedar. Walaupun kanak-kanak diajar cara bertingkah laku mengikut budayanya namun nilai-nilai yang baik dan buruk dirumah,sekolah atau masyarakat turut mempengaruhi mereka.Ibu yang bertutur dengan anaknya secara lemah lembut dan bercakap beralas akan melahirkan

anak-anak yang akan mengamalkan budaya sedemikian kerana mereka sudah terbiasa dengan keadaan positif.Benarlah seperti yang diungkapkan oleh YAB Perdana Menteri bahawa ibu bapa cemerlang akan melahirkan anak-anak yang gemilang.Disinilah pentingnya aspek sosialisasi sihat yang bakal menjadi budaya anak-anak.

Proses sosialisasi berlaku dalam tiga jenis.Pertama ,sosialisasi primer (permulaan)iaitu proses ini berlaku pada peringkat awal kanak-kanak.Kanak-kanak mempelajari konsep diri,psikomotor,penaakulan dan kemahiran bahasa daripada keluarganya. Kedua,sosialisasi sekunder(penyertaan) iaitu berlaku pada peringkat kanak-kanak,remaja dan dewasa.pada peringkat ini akan berlaku proses pengembangan konsep diri,menerima konsep baru,berlaku perubahan dan penyesuaiaan akibat daripada interaksi dengan rakan sebayasekolah,media massa dan masyarakat. Ketiga sosialisasi semula(resosialisasi).Proses ini mungkin berlaku atau tidak berlaku pada seseorang.Sosialisasi semula ini berlaku akibat daripada perubahan secara drastik,mendadak,radikal atau terpaksa yang dialami oleh seseorang.Misalnya berlaku akibat kemalangan,revolusi, peperangan, perubahan kepercayaan, bencana ,ketagihan dadah dan perubahan politik.Konsep kendiri sikap dan taakulan seseorang itu akan berubah dengan cepat akibat daripada situasi diatas.

Institusi sosial utama yang menentukan sosialisasi ialah keluarga agama pendidikan ekonomi dan kerajaan.Manakala antara agen yang membentuk dan mempengaruhi sosialisasi ialah keluarga ,sekolah, rakan sebaya, media massa , tempat kerja, kelab/persatuan dan sebagainya.

Agen sosialisasi yang penting dalam masyarakat ialah keluarga.Ibu bapa biasanya mengajar anak-anaknya tentang kelakuan yang baik seperti apa yang mesti dilakukan dan apa yang tidak boleh dilakukan.Sekolah kelompok rakan sebaya dan media massa buat masa ini sangat berpengaruhdalam menentukan sikap dan cara hidup seseorang itu.Sekolah yang ternama dengan skala disiplin

yang tinggi akan melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang disiplinnya.Mereka mudah berinteraksi dengan masyarakat kerana telah disosialisasikan.

Sosialisasi yang diterima oleh seseorang pada peringkat kanak-kanak tidak mencukupi untuk menghadapi tugas-tugas yang akan dihadapi pada peringkat dewasa kelak.Jadi alam persekolahan, pergaulan dan pengalaman hidup banyak membantu untuk kesempurnaan sosialisasi seseorang.

Ahli sosialisasi berpendapat bahawa”.....kita tidak dilahirkan sebagai manusia,tetapi kita menjadi manusia melalui proses interaksi sosial atau sosialisasi...”.

Peranan atau tujuan sosialisasi boleh dirumuskan sebagai satu proses penyempurnaan hidup manusia mengikut norma masyarakatnya.Dalam proses ini sosialisasi berperanan :

- mengajar asas-asas kehidupan dalam masyarakat
- memastikan aspirasi masyarakat terpelihara,
- menyebarkan kemahiran-kemahiran yang penting dalam masyarakat,
- mengajar individu untuk memenuhi peranan sosial.

	Latihan 4.0 Elok anda ke Pusat Sumber atau perpustakaan.

.

Aktiviti 1

Sila rujuk kamus.Bezakan maksud perkataan ini.

- Sosial
- Sosiologi
- Sosialisasi
- Sains sosial
- Kajian sosial

Aktiviti 2

Sila berbincang dengan rakan-rakan tentang ayat ini

Interaksi sosial atau sosialisasi menjadikan kita manusia

Aktiviti-aktiviti yang disediakan untuk membantu pelajar memahami tajuk tertentu. Jawapan aktiviti/ latihan boleh dihantar kepada pensyarah untuk disemak melalui e-mail,OLL atau serahan ketika berkursus di IPG.

4.1 Norma Sosial dan Kawalan Sosial

Norma ialah kelakuan standard yang dipersetujui oleh semua ahli kumpulan.Norma sosial pula merupakan peraturan-peraturan yang diterima pakai oleh sebahagian besar ahli masyarakat.Kepatuhan kepada norma-norma sosial akan menjamin kewujudan perpaduan dalam satu-satu masyarakat.

Norma sosial lahir daripada proses interaksi antara masyarakat. Norma dapat dipelajari melalui pemerhatian dan juga interaksi sosial.Norma sosial sering berubah seiring dengan perubahan yang berlaku dalam sesuatu masyarakat.Perlakuan sosial yang tidak selari dengan norma sosial dipanggil lencongan.Sikap berterima kasih kepada kedua ibu bapa yang telah mendidik dan berkorban dalam mendewasakan kita dianggap sebagai norma ,mana kala perderhakaan terhadap ibu bapa dikatakan lencongan.

Contoh norma sosial yang sepatutnya berlaku disekolah ialah:

- Pelajar melafazkan ucapan salam"Assalamualaikum' atau "Selamat Pagi" kepada guru dan sesiapa sahaja yang dikenali atau tidak dikenali.
- Beratur dan berbaris ketika hendak membeli makanan dan minuman di kantin sekolah.
- Beratur ketika hendak menaiki bas
- Menjaga kebersihan sekolah dan persekitarannya.

Latihan 1

Aktiviti 1

Tingkah laku seseorang guru perlu sesuai dan selari dengan norma sosial.

Nyatakan 3 (tiga) contoh norma sosial guru di sekolah.

1	
2	
3	

Aktiviti 2

"Bapa borek anak rintik"

"Seperti ketam mengajar anaknya berjalan betul"

Fikirkan apa kaitannya dengan sosialisasi.?

Kawalan sosial bermaksud cara-cara yang digunakan oleh masyarakat bagi mempengaruhi tingkah laku anggotanya supaya ahli-ahlinya menghargai nilai-nilai dan mematuhinya.Ada dua bentuk kawalan sosial iaitu kawalan positif dan kawalan negatif.Kawalan sosial positif boleh berbentuk pemberian ganjaran ,hadiah dan pujian.Kawalan sosial negatif pula merupakan hukuman dan dendaan .Kedua-dua jenis kawalan ini boleh lahir dengan cara formal dan juga tidak formal.

Kawalan sosial secara formal berlaku secara perundangan,peraturan penguatkuasaan .pasukan polis dan kehakiman merupakan badan yang mendidik masyarakat supaya akur kepada norma-norma sosial.

Crosbie (1975) berpendapat kawalan sosial tidak formal terbahagi kepada empat jenis iaitu:

- ganjaran sosial seperti kenaikan pangkat
- hukuman atau kritikan
- pujukan
- norma yang ditakrif oleh individu yang berstatus tinggi.

Contohnya kanak-kanak berumur 10 tahun diajar asas berbudi bahasa dan bersalaman dengan orang dewasa yang ditemuinya.Kanak-kanak ini menerima pujian kerana bertingkah laku sopan . Ini merupakan contoh kawalan sosial yang positif berbanding dengan perlakuan tidak mahu bersalam dengan tetamu atau orang yang lebih dewasa sehingga menyebabkan ibu bapa malu lalu merotannya ketika pulang ke rumah.Setelah kejadian itu barulah kanak-kanak tersebut akan bersalaman dalam situasi yang diberitahu oleh ibunya.Kawalan sosial ini dinamakan kawalan sosial negatif.Mereka terpaksa dipaksa dan dirotan barulah mereka hendak melakukannya.

Latihan 2

Saya berjanji akan menjadi guru yang baik budi pekerti.

Soalan 1

Berikan 4 contoh kawalan sosial berbentuk positif dan kawalan sosial berbentuk negatif yang boleh kita aplikasikan.

	Kawalan Sosial Positif	Kawalan Sosial Negatif
1		
2		
3		
4		

Soalan 2

"IPG tubuh mahkamah khas bicara kes disiplin mengikut Akta 174."

Setujukah anda. Mengapa.?

Makluman: Mahkamah khas ini dianggotai oleh HEP,Pengarah,tutor,kaunselor dan ibu bapa untuk mengadili kes pelajar yang melanggar disiplin.

Berikan pendapat anda tentang isu ini.

Rumusan

1. Semua orang perlu melalui proses sosialisasi yang sempurna agar mereka menjadi insan yang bermoral.
2. Proses sosialisasi berlaku sepanjang hayat dan proses ini berterusan dan boleh berlaku dalam pelbagai hubungan.
3. Guru perlu menyediakan suasana sosialisasi yang terbaik di sekolah.
4. Sebagai salah satu agen moral'guru' adalah model yang boleh dicontohi.
5. Norma sosial yang terbaik perlu diamalkan kepada pelajar.
6. Guru juga berfungsi sebagai agen kawalan sosial.

	Senarai buku rujukan yang digunakan dalam penyediaan modul.

Bacaan Asas

Amir Hasan Dawi.(1999).Penteorian Sosiologi dalam pendidikan.Tanjung Malim:Quantum Books.

Ee,A.M.(1988).Pendidikan Moral untuk bakal guru.Kuala Lumpur:Long Man.

Koo,K.P.&Tang,C.Y(1990).Pendidikan Moral,Kuala Lumpur:Kumpulan Budiman.

Noran Fauziah Yaakub.(1987)Pengantar Sosiologi.Kuala Lumpur:Fajar Bakti

Koo,K.P.& Tang,C.Y.(1990).Pendidikan Moral.Kuala Lumpur:Kumpulan Budiman.

Noran Fauziah Yaakub.(1987).Pengantar Sosiologi.Kual Lumpur:Fajar Bakti.

Rujukan

Eow,B.H.(2000).Pendidikan Moral:siri pendidikan tinggi.Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia.

4.2	**TANGGUNGJAWAB AGEN-AGEN MORAL**

Pengenalan

Topik ini mengandungi pecahan kecil iaitu peranan keluarga,sekolah , institusi pengajian,masyarakat dan media masa sebagai agen moral.Perwatakan dan tabiat kanak-kanak pada amnya dibentuk oleh masyarakat dan dikekalkan melalui proses sosialisasi.Proses sosialisasi penting kerana jika seseorang tidak memahami dan tidak sanggup mematuhi peraturan kelompok atau masyarakatnya dia tidak akan diterima oleh masyarakat itu.Oleh kerana pentingnya mematuhi peraturan masyarakat,maka kanak-kanak mesti diajar tentang norma dan nilai masyarakat melalui beberapa institusi sosial.Antara yang utama ialah keluarga,sekolah masyarakat dan media massa.

Kekeluargaan

Keluarga merupakan agen sosial yang banyak mempengaruhi perkembangan kanak-kanak.Ibu bapa akan mengajar anak-anak berhubung dengan apa yang harus dilakukan dan apa yang tidak boleh dilakukan.Daripada ibu bapa anak-anak akan mempelajari kemahiran,sikap,norma dan nilai-nilai.Keperibadian anak-anak banyak bergantung kepada didikan ibu bapa.Ibu bapa yang tegas melahirkan anak-anak yang kuat disiplin.Didikan ibu bapa yang yang longgar banyak menghadapi masalah.Keluarga yang porak peranda latar belakangnya tidak akan berjaya melahirkan anak-anak yang optimis sudut pandangannya dalam kehidupan.

Terdapat dua jenis keluarga dalam sesebuah masyarakat iaitu keluarga asas dan keluarga kembangan.Dapatkah anda mengenal pasti jenis keluarga anda?

(a) Keluarga Asas

Terdiri daripada bapa, ibu yang ada ikatan perkahwinan yang sah dan mempunyai anak-anak sendiri atau anak angkat dan tinggal bersama.Tanggungjawab membentuk tingkah laku anak-anak dijalankan sepenuhnya oleh ibu dan bapa. Anak-anak waktu lahirnya adalah ibarat kain putih,tidak ada noda dan dosa.Terpulang kepada ibu bapa mencorakkannya.Ibu bapa senang membentuk perwatakan anak-anak mereka semenjak kecil kerana melentur buluh biarlah dari rebungnya.Kebanyakkan proses interaksi anak-anak berlaku di rumah . Ibu bapa menjadi model utama yang boleh dicontohi anak-anak.

(b) Keluarga kembangan

Keluarga kembangan ialah keluarga yang terdiri daripada sebuah atau beberapa keluarga asas dan ahli-ahli keluarganya dan tinggal bersama.Tanggungjawab mendidik anak-anak dan menjaga ahli keluarga yang sakit dijalankan bersama disamping membantu ekonomi keluarga.Oleh itu pemupukan nilai dilakukan bukan sahaja oleh ibu bapa tetapi juga oleh anggota keluarga yang lain seperti datuk,nenek,bapa dan ibu saudara serta sepupu.

Latihan 3

Uji kefahaman anda dengan menyiapkan latihan berikut.

Aktiviti 1

Bagaimanakah caranya anda mengeratkan hubungan sesama anggota keluarga?

Anggota keluarga	**Cara**	**Contoh**
Bapa		
Ibu		
Abang		
Kakak		
Adik Lelaki		
Adik Perempuan		

Rakan sebaya

Rakan sebaya seseorang kanak-kanak terdiri daripada mereka yang sebaya dengannya serta berkongsi minat dan aktiviti yang sama.Kumpulan rakan sebaya kebanyakkannya dari status sosial yang sama .Apabila mencapai peringkat remaja pengaruh rakan sebaya bertambah penting kerana mereka menghabiskan masa bersama lebih banyak daripada bersama ibu bapa.Individu ini cenderung untuk mengikuti pandangan,nilai dan sikap rakan-rakan sebaya mereka.Rakan sebaya yang tinggi sahsiahnya akan dapat membentuk kumpulannya kearah peribadi yang mulia dan begitulah sebaliknya jika tersalah memilih kawan.

(a) Rakan sekolah

Rakan sekolah boleh mempengaruhi tingkah laku seseorang. Rakan sekolah ialah kumpulan individu yang mempunyai umur dan taraf sosial yang hampir sama. Mereka mempunyai minat dan matlamat yang sama dalam alam

persekolahan .Contohnya bermain,belajar,hobi dan lain-lain aktiviti secara bersama selaras dengan kehendak budaya dan iklim sekolah.

(b) Rakan luar sekolah

Adalah kumpulan rakan sebaya dalam kumpulan bermain,satu geng atau satu *clique*. Aktiviti-aktiviti kumpulan lebih berbentuk acara sukarela.Mereka belajar berdikari dan membentuk peraturan, nilai dan norma-norma kumpulan tersendiri.Ahli kumpulan remaja biasanya mempunyai subbudaya tertentu,cara bercakap,jenis-jenis pakaian,muzik,nilai dan norma kumpulan rakan sebayanya. Mereka cuba menghayati subbudaya ini supaya mereka diterima dan disanjung oleh kumpulannya.Kadang-kadang nilai dan norma ini bertentangan dengan nilai dan norma keluarga atau tradisi.Ini akan menimbulkan bibit-bibit konflik antara golongan tua dan golongan muda.

	Fikir sebentar !.Senaraikan kumpulan rakan sebaya luar sekolah yang memberi pengaruh positif dan negatif.

Pengaruh positif

1. ----------

2. ----------

3. ----------

Pengaruh negatif

1. ----------

2. ----------

3. ----------

Sekolah dan Institusi Pengajian

Kanak-kanak menghabiskan masa enam hingga lapan jam setiap hari disekolah.Ini bermakna individu-individu,kemudahan-kemudahan dan budaya sekolah akan mempengaruhi sosialisasi seseorang kanak-kanak.
Guru juga sangat berpengaruh disekolah.Gaya penampilan,sikap kepimpinannya memainkan peranan dalam proses sosialisasi individu.Cara pentadbiran sekolah,persekitaran serta budaya sekolah juga berperanan mempengaruhi sosialisasi kanak-kanak atau pelajar.

(a) Pentadbir

Pentadbir yang efektif adalah penting untuk mewujudkan suasana mendorong pengajaran yang bermakna dan menyeronokkan.Pentadbir hendaklah berupaya membentuk satu struktur dan amalan yang mengintegrasikan maklum balas,membuat refleksi dan amalan-amalan dan tindak balas yang diterima berlandaskan aspek-aspek berikut:

- mengesan kecekapan pentadbiran sekolah.
- menilai budaya moral sekolah.
- menilai secara moral guru-guru dibawah pentadbirannya.

(b) Guru

Seseorang guru mempunyai gaya kepimpinan yang tersendiri kerana ada guru yang bersifat autokratik,demokratik dan laissez-faire.

Guru yang autokratik tidak bersedia mendengar pandangan dan pendapat murid.Murid akan menjadi pasif serta tidak terdorong untuk memberi pendapat.Suasaan sosio emosinya yang dipenuhi ketegangan tidak menggalakkan interaksi guru dan murid.

Guru yang demokratik memberi kesan yang positif kerana pelajar-pelajar diberi ruang untuk berinteraksi dan berkomunikasi secara terbuka.Suasana sosio emosi yang demokratik akan menggalakkan perkembangan yang positif dan meningkatkan kemahiran sosial.

Guru yang laissez-paire memberi kebebasan penuh kepada pelajar untuk memikir dan menyusun aktiviti mereka dan kurang memberi idea dan inisiatif terhadap aktiviti yang dijalankan.Guru juga tidak menilai tingkah laku pelajar menyebabkan pengurusan bilik darjah yang longgar dan suasana pembelajaran dan pengajaran terganggu oleh masalah disiplin.

Seorang guru yang berkesan mempunyai ciri-ciri seperti ingin membaca untuk menambah ilmu,berupaya berfikir secara kritis,ingin belajar dan menitik beratkan pendidikan seumur hidup.Guru juga hendaklah mempunyai personaliti yang sesuai dengan profesion perguruan dan memberi kesan kepada pembentukan tingkah laku pelajarnya

.

(c) Budaya,Iklim dan Fizikal

Budaya sekolah merangkumi aspek-aspek seperti ilmu,insan,moral budaya kerja,budaya komunikasi,budaya bilik darjah dan budaya kepimpinan.

Dua faktor utama membentuk budaya sekolah ialah input sekolah yang berunsurkan sumber iaitu saiz bilik darjah,nisbah guru-pelajar,pembelajaran setiap pelajar,keadaan bangunan sekolah,bentuk kurikulum,bahan kurikulum,bahan pengajaran dan pembelajaran dan kemudahan fizikal yang lainFaktor kedua ialah faktor-faktor proses pengurusan sekolah iaitu kepimpinan pentadbiran,kepimpinan guru,tahap penyeliaan,misi dan visi sekolah,perasaan kekitaan dan iklim pengajaran dan pembelajaran..

Kerjasama yang erat antara pihak sekolah,ibu bapa dan masyarakat setempat membantu keberkesanan pengurusan dan pentadbiran sekolah pada tahap maksimum.

Iklim sekolah ialah sifat dan suasana yang terdapat dalam sesebuah sekolah.Iklim sekolah sangat penting untuk melahirkan insan yang baik dan dapat membantu perkembangan pelajar selaras dengan FPN iaitu melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani,emosi, rohani dan intelek.(JERI).Aspek yang mempengaruhi iklim sekolah ialah aspek fizikal sekolah,aspek sosial sekolah dan aspek budaya sekolah.

Aspek fizikal sekolah meliputi semua insfrastruktur yang terdapat di kawasan sekolah seperti bangunan,padang,tandas bengkel,makmal,pusat sumber,kantin dan lain-lain.ada beberapa ciri keberkesanan pengurusan aspek fizikal sekolah iaitu kebersihan,keselamatan,keselesaan dan keindahan persekitaran.
Pengurusan fizikal yang berkesan mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran pelajar dan guru dalam suasana yang tenteram,selesa,harmoni dan menyeronokkan.Keadaan fizikal sesebuah sekolah memainkan peranan penting dalam mencorakkan tingkah laku pelajar-pelajarnya.

	Latihan 4 **Sila jawab latihan berikut untuk menguji kefahaman kita.**

Aktiviti 1

Senaraikan kesan –kesan negatif jika pihak pengurusan sekolah tidak menitik beratkan aspek fizikal sekolah.

Warga sekolah	Kesan	Cadangan mengatasi
Guru		
Pelajar		
Kakitangan sekolah		

Masyarakat

Masyarakat ditakrifkan sebagai satu kumpulan manusia yang hidup bersosial bersama di sesuatu tempat dengan adanya peraturan,aturan serta menjalankan amalan hidup untuk kepentingan bersama. ,Kelompok ini mempunyai pemimpin ,peraturan dan norma-norma tertentu untuk mewujudkan satu keadaana yang harmonis.Jika pemimpin menekankan nilai kerajinan dan peningkatan produktiviti akan menghasilkan ahli-ahli yang bersikap tekun,rajin membut sesuatu dengan bersungguh tanpa cepat putus asa.Slogan seperti ” 1 Malaysia:rakyat didahulukan,pencapaian diutamakan” ,”Malaysia Boleh” dan ”Cemerlang,Gemilang dan Terbilang ”sering dilaungkan oleh pemimpin kita bertujuan untuk membentuk masyarakat yang dinamik dan progresif serta mengamalkan nilai-nilai murni ,cekap bersih dan amanah.

(a) Komuniti

Komuniti merujuk kepada sekelompok manusia yang hidup setempat dan kerap berinteraksi antara satu sama lain. Bilangan ahli dalam sesuatu komuniti adalah

lebih kecil berbanding dengan masyarakat. Ada dua corak komuniti dalam masyarakat iaitu komuniti yang bersifat homogenous dan hetrerogenous.

Contoh komuniti homogenous ialah guru pelatih yang tinggal di asrama.Mereka mempunyai ciri-ciri yang hampir sama seperti umur,matlamat dan gaya hidup.Dalam komuniti kampus ada sikap positif seperti semangat bersaing untuk berjaya,nilai kekitaan,hormat kepada pensyarah. Manalaka sifat negatif adalah seperti merokok,bersembang ,pulang lewat malam dan lain-lain.

Contoh komuniti hetererogenous ialah jiran di kawasan perumahan bandar terdiri daripada pelbagai bangsa,kaum,agama dan peringkat umur.Mereka mempunyai gaya hidup ,latar belakang ,profesion dan matlamat hidup yang berbeza.Komuniti mempunyai pengaruh yang penting dalam penghayatan dan amalan nilai-nilai murni dalam membentuk kehidupan ahli-ahlinya.

(b) Sosio ekonomi

Perbezaan status sosio ekonomi mempengaruhi proses sosiolisasi seseorang individu.Kohn(1969).Keluarga kelas pertengahan sentiasa berusaha kearah membentuk sifat autonomi dan kebolehan membuat keputusan sendiri pada diri anak-anak mereka.Mereka lebih bersifat demokratik terhadap anak-anak.Keluarga kelas bawahan adalah lebih autokratik.Anak-anak mereka digalakkan untuk mematuhi peraturan-peraturan tanpa banyak soal.

Adakah anda bersetuju dengan kenyataan ini.?

(c) Organisasi/pertubuhan

Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan atau Non Government Organization(NGO) mempengaruhi sosiolisasi individu sebagai sukarelawan yang bermoral.Dengan cara ini nilai murni individu NGO dapat diperkukuhkan untuk membantu masyarakat dalam pelbagai bidang kebajikan.Contohnya bencana tsunami,bencana banjir di Pakistan dan peperangan di Palastin,ramai sukarelawan dari Yayasan Salam,Peace Malaysia,MERCY dan Pertubuhan

Bulan Sabit Merah,Lions Club,Interact Club,Kelab Rotary dan Program Rakan Muda. telah banyak membantu tenaga ,kepakaran ,kewangan,motivasi,material bagi meringankan beban mangsa..Pengalaman tersebut memberi kesedaran tentang pentingnya nilai kasihan belas dan nilai kemanusiaan.

Program Khidmat Negara juga merupakan salah satu daripada proses sosialisasi yang akan membentuk dan melahirkan remaja Malaysia yang tahan cabaran dan tinggi sikap patriotiknya.

	Latihan 5 **Cuba uji kefahaman anda dengan menyiapkan latihan ini.**

Aktiviti 1

1. **Senaraikan nilai murni yang masih diamalkan oleh komuniti kita?**
2. **Bagaimana nilai-nilai murni ini mempengaruhi tingkah laku kita.?**
3. **Pernahkah anda membantu seseorang individu yang dalam kesusahan? Kaitkan proses sosialisasi yang dialami dalam menjalankan tanggungjawab sosial anda?**

Media massa

Media massa sama ada media eletronik atau media cetak menyediakan sebahagian besar dari maklumat sosial dalam kehidupan seharian kita.Media massa boleh meninggalkan kesan yang negatif dan positif keatas sosialisasi seseorang individu.Akhbar akhbar tabloid dan majalah seperti URTV,Mangga lebih banyak memberikan pendedahan seks negatif kepada pembaca remaja.Akibatnya mereka lebih matang dalam aspek keseronokan seks daripada hal-hal kemanusiaan.

	Fikir sejenak dan beri pendapat anda.

Latihan 6

1. Beri pendapat anda tentang kesan negatif internet terhadap perlakuan pengguna-penggunanya.

2. Beri cadangan anda bagaimana mengawal penyalahgunaan internet di kalangan remaja?

Rumusan

1. Seseorang individu perlu mengetahui peranan dan tanggungjawab sosial masing-masing bagi menjamin kesejahteraan diri,masyarakat dan negara.
2. Institusi keluarga dan agen-agen moral perlu memainkan peranan masing-masing dalam memperkasakan sistem sosial sesuatu masyarakat.
3. Perlunya kerjasama daripada semua pihak yang terlibat dalam membendung dan membenteras gejala negatif yang melanda masyarakat.

Tamat

TAJUK 5.0	ISU-ISU MORAL

SINOPSIS

Tajuk ini bertujuan mengenal pasti isu-isu moral yang berlaku di dalam dan di luar negara. Pelajar perlu merujuk sumber-sumber seperti media cetak dan elektronik untuk tujuan itu. Pelajar dikehendaki menganalisis setiap isu bertujuan mempertingkatkan kepekaan pelajar terhadap masyarakat sejagat.

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir tajuk ini, pelajar boleh:

i. Mengenal pasti isu-isu moral semasa dan global.
ii. Menganalisis dan membuat refleksi tentang punca berlakunya dan cara mengatasi isu-isu moral tersebut

KERANGKA TAJUK-TAJUK



5.1 ISU-ISU MORAL TEMPATAN

Masalah dan isu moral terjadi kerana terdapat percanggahan pendapat, nilai dan sistem pemerintahan setempat dan global.Tidak ada satu penyelesaian muktamad untuk isu-isu moral yang timbul.

Pelajar-pelajar harus mempunyai pandangan yang lebih terbuka dalam menangani isu moral.

(a) Penyalahgunaan dadah

Dadah ialah bahan yang digunakan untuk merawat penyakit, mengurangkan simtom atau mengubahsuai proses kimia didalam badan untuk tujuan-tujuan tertentu.Penggunaan dadah yang berlebihan dan berpanjangan boleh memusnahkan pelbagai organ dalam badan. Dadah yang seharusnya digunakan sebagai ubat dijadikan bahan untuk menghilangkan stres (menjadi khayal) dan untuk berhibur.

Faktor penyalahgunaan dadah

- Lemah iman
- Kurang didikan agama
- Pengaruh rakan dan persekitaran

Kesan

Individu yang berada dalam keadaan hepatik (khayal) akibat dadah menjadi lemah,mengantuk pengsan bingung dan biasanya tangan mereka akan menggeletar. Mereka ini perlu dirawat dengan segera.

Penagih dadah terutamanya yang berkongsi jarum suntikan yang kotor boleh mengalami kerosakan pada otak,hati,paru-paru,tulang dan sistem imun.Oleh kerana HIV(Human Imminodeficiency Virus) boleh merebak melalui

perkongsian jarum,ramai penagih dadah dijangkiti penyakit AIDS dan seterusnya boleh membawa maut.

Layari Internet

Cuba anda melayari internet untuk mendapatkan kumpulan sokongan untuk membantu penagih dadah.

(b) Sumbang mahram

Boleh didefinisikan sebagai perogolan yang dibuat diluar pernikahan sama ada dengan cara paksaan atau kerelaan sesama yang terlibat. Bak kata pepatah Melayu ”haruan makan anak”dan ”harapkan pagar,pagar makan padi.” Istilah ini memang bertepatan dengan sumbang mahram, seseorang itu tidak boleh diharapkan untuk menjaga seseorang.

Sumbang mahram adalah hubungan jenis antara mereka yang mempunyai tali persaudaraan dan perkahwinan antara mereka adalah tidak sah di sisi undang-undang atau dilarang oleh adat resam. Contoh: Hubungan jenis antara remaja dengan ibubapa mereka, adik beradik, ibubapa saudara, datuk dan sebagainya. Kini, sumbang mahram telah dikenalpasti sebagai sejenis penganiayaan seksual yang merosakkan kesihatan fizikal, mental dan sosial.

Siapakah yang berisiko tinggi?

Dengan peningkatan kadar penceraian, lebih ramai kanak-kanak terdedah kepada risiko yang lebih tinggi bagi mengalami sumbang mahram. Jika seseorang ibu berkahwin semula, anak perempuan beliau yang tinggal serumah dengan mereka terdedah kepada risiko yang lebih tinggi untuk penganiayaan seksual oleh bapa tirinya berbanding bapanya sendiri.

Apakah kesan sumbang mahram terhadap mangsa?

Sebilangan besar mangsa mengalami kesan negatif yang serius sehingga memerlukan terapi apabila mereka meningkat dewasa. Antara kesan-kesan negatif ini adalah :

- Hilang kepercayaan pada orang lain
- Murung dan rasa ingin bunuh diri
- Keyakinan diri yang rendah
- Rasa terasing dari masyarakat/keluarga
- Masalah personaliti

Layari Internet

Cuba anda melayari internet untuk mendapatkan kumpulan sokongan untuk mangsa sumbang mahram.

(c) Rasuah

Rasuah memang perbuatan yang tidak beretika dan membawa banyak keburukan daripada kebaikan. Pemberian rasuah bukan hanya berbentuk harta benda atau wang ringgit, tetapi apa jua sahaja pemberian yang menerima ganjaran lain yang biasanya menguntungkan pemberinya. Rasuah boleh juga dalam bentuk perkara berbentuk perkhidmatan seperti perkhidmatan seks, keahlian sesuatu pertubuhan atau organisasi. Punca-punca berlaku rasuah adalah seperti:

- Sikap mementingkan diri sendiri
- Gaya hidup yang mewah
- Desakan dari luar
- Pengaruh sekularisme dan silang budaya

Rasuah boleh memberi padah yang besar kepada individu, keluarga, masyarakat dan negara. Produktiviti kerja yang mengamalkan rasuah akan menjadi rendah. Keikhlasan dan kesungguhan untuk menjalankan tugas dengan jujur akan terhakis. Perasaan hasad dengki akan berlelusa dalam masyarakat yang mengamalkan jenayah rasuah. Undang-undang dan peraturan yang telah ditentukan oleh pihak berkuasa juga tidak dapat dikuatkuasakan kerana amalan rasuah.

Tun Abdullah Hj. Ahmad Badawi bekas Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan Pelan Integriti Nasional (PIN) pada 23 April 2004. Objektif dan matlamat PIN ialah untuk membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya dengan para warganya yang mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur. Institut Integriti Malaysia (ILM) yang telah ditubuhkan serentak dengan pelancaran PIN berperanan selaku badan yang menyalur sebarang perakuan yang terbit daripada pelan tersebut.

Layari Internet

Carikan maklumat lanjutan dari internet berkenaan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan Institut Integriti Malaysia (ILM).

(d) AIDS

AIDS atau **Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit** *(Acquired Immune Deficiency Syndrome)* disebabkan oleh HIV, iaitu virus *Human Immunodeficiency* yang merosakkan sistem pertahanan badan pesakit yang mempunyai AIDS. Pesakit AIDS akan menjadi lemah kerana badannya telah hilang keupayaan untuk menentang semua jenis serangan penyakit. Akibatnya pesakit akan meninggal dunia.

Secara ringkas, apabila sistem pertahanan tubuh dilumpuhkan oleh penyakit AIDS/HIV, tanda-tandanya termasuk:

- Terlalu lemah dan lesu
- Penurunan berat badan yang mendadak
- Demam panas yang kerap
- Peluh malam
- Kelenjar limfa membengkak
- Ruam kulit dan ulser pada permukaan mukosa. Contoh : lapisan dalam mulut
- Cirit-birit yang kronik
- Batuk kronik
- Hilang ingatan
- Jangkitan teruk yang tidak dapat dirawat

HIV/AIDS dapat disebarkan melalui cecair badan:

1. Perhubungan seks tanpa kondom
2. Penerimaan darah yang tercemar
3. Perkongsian jarum suntikan dadah
4. Dari ibu ke anak semasa mengandung atau pelahiran atau menyusu

HIV/AIDS tidak boleh disebarkan sekadar melalui:

- Perciuman atau berpeluk
- Pergaulan harian di tempat awam seperti di sekolah atau tempat kerja
- Makan di restoran atau membeli-belah di pasaraya
- Berenang di kolam renang awam
- Gigitan nyamuk atau serangga lain

Tiada sesiapapun yang patut mendapat HIV/AIDS dan mereka yang dijangkit tidak patut didiskriminasikan, terutama bayi yang mendapat HIV/AIDS semasa

dalam kandungan ibu. Mereka memerlukan kasih sayang, sokongan dan bantuan moral yang tinggi untuk teruskan hidup mereka dalam masyarakat.

Layari Internet

Cuba anda melayari internet untuk mendapatkan organisasi bukan agensi kerajaan untuk membantu mangsa AIDS.

(e) Jenayah Seks

Tidak kira apa agama apa adalah tidak membenarkan perlakuan seks luar nikah dengna tujuan untuk memelihara satu unit kekeluargaan yang kekal. Masalah seks sebelum kahwin semakin meningkat dalam kalangan remaja dan pelajar kolej. Ini adalah kerana mereka kurang memahami dan menghayati kesucian institusi keluarga. Kesan daripada aktiviti seks sebelum kahwin termasuk kehamilan yang tidak diingini, pengguguran anak yang tidak selamat, pembuangan bayi, jangkitan seksual, masalah perhubungan, tekanan emosi, tiada keharmoniaan keluarga dan implikasi undang-undang (**Kod Penal Akta 574**). Pasanagan yang benar-benar menyintai satu sama lain tidak akan melakukan seks sebelum kahwin dan menghormati maruah dan keperibadian masing-masing.

Layari Internet

Cuba anda melayari internet untuk mendapatkan maklumat lanjutan berkenaan undang-undang (**Kod Penal Akta 574**).

(f) Keganasan

Keganasan boleh ditakrifkan dengan sengaja menggunakan kuasa atau kekerasan secara fizikal, mengugut atau benar-benar berbuat keganasan, terhadap sesuatu kumpulan atau komuniti, yang besar kemungkinan akan menyebabkan kecederaan, kematian, kesan psikologi, kerencatan tumbesaran dan pengabaian.

Keganasan boleh dibahagikan kepada 3 jenis yang utama:

- Keganasan pada diri sendiri - Tingkahlaku untuk membunuh diri, menyiksa diri sendiri
- Keganasan kepada orang lain - Ahli keluarga atau pasangan, seseorang dari kumpulan atau komuniti yang tertentu
- Keganasan kumpulan akibat perbezaan social, politik, ekonomi

Layari Internet

Cuba anda melayari internet untuk mengenal pasti tahap statistik untuk kes keganasan yang berlaku di negara kita.

(g) Pembuangan Bayi

Pembuangan bayi adalah satu jenayah. Ia terjadi akibat kehamilan tidak diingini. Ramai remaja yang mengandung di luar nikah terpaksa membuang bayi mereka terdesak, akibat malu dan takut akan akibat yang bakal ditanggung.

Kesan pembuangan bayi

- Kadar kematian bayi yang lebih tinggi disebabkan penjagaan perubatan yang tidak sempurna

- Kesihatan ibu yang terjejas akibat kehilangan darah, jangkitan kuman, kecederaan sewaktu bersalin
- Psikologi dan social

Layari Internet

Cuba anda mencari implikasi undang-undang pembuangan dan pembunuhan bayi dengan melayari internet.

(h) Cetak Rompak

Cetak rompak (atau pencabulan hakcipta) bermaksud penggunaan bahan yang dilindungi undang-undang hakcipta tanpa izin, maka mencabuli salah satu hak eksklusif pemilik hakcipta asli, seperti hak untuk mengeluarkan semula atau menjalankan karya yang dihakcipta, atau menghasilkan karya derivatif yang berasaskan karya yang dihakcipta itu.

Terdapat pelbagai cara dimana hasil karya dirompak atau disalin tanpa kebenaran pemilik hakcipta. Penyalinan tersebut dibuat dengan cara:

1. Menerbitkan semula sebahagian atau ke semua hasil karya.
2. Membuat salinan kepada pelbagai bentuk sama ada cara mengambil gambar, membuat salinan secara elektronik atau komputer, fotostat, rakaman video, rakaman suara, menaip semula atau diubah kepada PDF.
3. Menyalin kandungan bahan dan dijual semula dengan tajuk yang berbeza.
4. Mengeluarkan bahan atau perkakas yang menggunakan idea yang sama, dimana idea tersebut telah dihakcipta.

Dari sudut undang-undang, cetak rompak bermaksud aktiviti penyalinan, pengedaran dan penggunaan produk harta intelek secara haram tanpa izin

pemegang hak cipta bagi harta intelek tersebut. Kegiatan cetak rompak merupakan satu kesalahan menurut Akta Hakcipta 1987. Harta intelek bermaksud sebarang produk dan hasil karya yang didaftarkan hak ciptanya seperti buku, muzik, filem, siaran televisyen dan radio, perisian komputer serta rekabentuk industri. Semua harta intelek adalah dilindungi oleh Akta Hakcipta 1987.

Perbincangan

Cuba anda mengenal pasti apakah faktor yang menyebabkan kegiatan cetak rompak berleluasa di Malaysia. Bincang bersama-sama rakan-rakan sekerja dalam sekolah praktikum anda.

(i) Hak Asasi Wanita

Dalam era kemajuan kini, kaum wanita berpotesi menjadi sumber pembangunan dalam pelbagai bidang sosial, ekonomi dan politik kian meningkat. Berpegang kepada hakikat inilah, pada tahun 1989, kerajaan kita telah menggubal Dasar Wanita Negara yang mengiktirafkan hak-hak wanita. Dasar yang digubal ini mendukung cita-cita negara dan Perlembagaan Persekutuan bagi menjamin kedaulatan, kemakmuran, keadilan, kebebasan serta hak-hak asasi manusia. Ia juga memberi panduan serta hala tuju dalam semua aspek perancangan dan perlaksanaan program pembangunan negara khususnya yang melibatkan kaum wanita secara langsung ataupun tidak tanpa diskrimanisi atau sebab kejantinaannya.

Layari Internet

Layari internet berikut untuk mengenal pasti aktiviti dan sumbangan organisasi-organisasi berikut terhadap hak asasi wanita

- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) - http://suhakam.org.my
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat - http://www.kpwkm.gov.my
- Jabatan Kebajikan Masyarakat - http://www.jkm.gov.my
- Yayasan Penyayang Malaysia - http://www.penyayang.org.my

PUNCA BERLAKUNYA ISU MORAL

1. **Ibu Bapa**

   Pengaruh ibu bapa amat penting dalam mendidik anak-anak. .Ibu bapa yang bekerja menyebabkan wujunya perubahan sosial hari ini.ibu bapa terlalu mementingkan pekerjaan,kesibukan tugas rutinharian dan kealpaan membahagi masa membuatkan anak-anak berasa terbiar tanpa kasih sayang dan jagaan yang sempurna.
   Anak-anak bercampur dan bergauil dengan rakan sebaya yang bermasalah dan berakhlak buruk dan akhirnya menimbulkan masalah akhlak dikalangan anak-anak.

2. **Pembangunan ekonomi yang pesat**

   Ekonomi negara yang pesat membangun dan maju telah mewujudkan banyak peluang pekerjaan termasun di pusat hiburan seperti kelab malam,pub,karaoke .para remaja berlumba-lumba mendapatkan pekerjaan dalam bidang ini terutama remaja perempuan.mereka lebih muda,menarik dan belum matang untuk menilai samada pekerjaan ini baik atau buruk.mereka Cuma mementingkan wang sahaja tanpa memikirkan buruk atau baiknya sesuatu pekerjaan.

   Kepesatan sektor perindustrian meningkatkan kos kehidupan masyarakat. Ibu bapa terutama yang berpendapatan rendah terpaksa bekerja siang dan malam untuk menampung keperluan hidup.gaya hidup ini sudah menjadi trend sehingga ank-anak tidak lagi diasuh dan dididik oleh ibu bapa sebaliknya dihantar kenerseri atau dijaga oleh pembantu rumah.

3. **Kurangnya didikan agama daripada ibu bapa**

Tanpa didikan agama,manusia tidak mempunyai pegangan hidup dan tidak takut melakukan sesuatu perkara walaupun bertentangan dengan undang-undang .malngnya dalam zaman kemajian sains dan teknolgi ini ramai iu bapa ghairah melengkapkan anak-anak dengan ilmu sekular dan lalai melengkapkan anak-anak dengan pengetahuan agama.

Pendidikan agama merupakn faktor yang paling penting dalam membentuk sifat baik dan moral yang terpuji dikalangan masyarakat.
Sikap remaja dan penggaruh rakan sebaya.

Rakan sebaya mempunyai pengaruh yang banyak terhadap tindakan dan perlakuan para remaja.banyak jenis perangai sosial boleh dipelajari hanya dengan berinreraksi dengan teman sebaya kerana mereka mengalami banyak pertukaran fizikal,perkembangan sosial dan psikologi yang sama.mereka sedang mencari identiti diri sensdiri
Serta mudah tertarik untuk berinteraksi dan amat sensitif dengan pengaruh rakan sebaya. Dalam segala tindakan yang dilakukan.remaja lebih banyak terdorong untuk melakukan jenayah salah laku dan maksiat setelah terpengaruh dengan rakan sebaya.

4. **Pengaruh media massa dan globalisasi dunia**

Media massa samada media cetak atau media eletronik telah mengalami dan menempuh berbagai-bagai tahap kemajuan sains dan teknologi.melalui siaran-siaran dan tayanganvideo,remaja terdedah kepada gejala yang tidak sihat seperti unsur-unsur ganas,liar budaya barat,budaya berpoya-poya,budaya disko,rooock ,tahyul dan seks.

Melalui komunikasi canggih seperti satelit(parabola),internet,you tube menyebabkan dunia menjadi global village atau perkampungan dunia dengan segala maklumat positif dan negatiftersebat tanpa bentang aatau halangan wilayah.

Membuat Nota Pendek

Cuba anda senaraikan punca-punca berlakunya isu moral dalam bentuk nota pendek. Kongsikan nota pendek anda bersama rakan-rakan kursus.

CARA MENANGANI FENOMENA GEJALA SOSIAL

1. Peranan ibu bapa dan keluarga

Antara langkah –langkah yang perlu diambil oleh ibu bapaialah:

a) menjadikan diri mereka role model kepada anak-anak dengan sikap berlemah lembut,kasih sayang dan saling hormat menghormati.
b) memberi kasih sayang dan memenuhi keperluan hidup anak-anak dengan secukupnya.
c) memberi didikan agama dan akhlak terpuji.
d) mewujudkan interaksi yang baik dan mesra terhadap anak-anak dengan penuh kasih sayang.
e) memberi tunjuk ajar dan nasihat yang baik dari masa kesemasa.
f) selalu mendoakan kesejahteraan anak-anak.
g) memantau pergerakan anak-anak dari semasa kesemasa untuk memastikan tingkah laku mereka tidak bercanggahdengan kehendak agama dan negara.

2. Peranan kerajaan dan pemerintah

Antara peranan kerajaan termasuklah

a) wujudkan kemudahan bagi memenuhi masa lapang kepada remaja menerusi pebagai aktiviti sukan ,rekreasi dan kerja-kerja yang berfaedah kepada agama dan bangasa.
b) Membenteras gejala sosial dan menyeru rakyat bersatupadu membbuat yang baik dan mencegah dan benci kepada perkara buruk.
c) Perlaksanaan undang-undang jenayah yang menyeluruh

3. Peranan masyarakat

Antara langkah yang perluialah

a) Masyarakat tidak boleh mendiamkan diri kalau melihat hal-hal yang membahayakan atau menggugat keharmonian
b) Masyarakat hendaklah merancang dan melaksanakan program-program yang mendatangkan kebaikan untuk semua seperti rukun tetangga,bergotong royong dan majlis rumah terbuka sempena hari-hari perayaan.

c) Peranan media massa
   - pengaruh negatif media cetak dan media eletronik hendaklah ditapis dan dikawal dengan ketat.
   - mendidik orang ramaicara-cara menghindarkan diri daripada melakukan jenayhdan turut bertanggungjawab mencegah jenayah.
   - pengeluaran akhbar-akhbar tabloid dan majalah-majalah hiburan hendaklah ditapis isi kandungannya.

4. **Peranan guru dan sekolah**

a) Wujudkan sekolah yang aman dan harmoni seperti sekolahku syurgaku.
b) Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang berkesan dan berfungsi.
c) kempen anti merokok dan anti dadah sentiasa di lakukan.
d) Kerjasama yang baik antara pihak sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru mengembeling tenaga dan bekerjasama membenteras sebarang salah laku dan maksiat.

5. Perubahan sikap remaja sendiri

a) melatih diri kearah pembinaan peribadi mulia dan cemerlang.

b) menambah ilmu dari semasa kesemasa sebagai pedoman dalam kehidupan.
c) menggunakan akal yang sejahtera menjauhkan diri daripada perkara-perkara negatif dalam kehidupan mereka.

Cuba kita renung,apa akan berlaku kepada generasi warisan akan datang jika remaja hari ini terus hanyut dibawa arus masalah akhlak seperti lepak,dadah, seks bebas, buang bayi, jenayah juvana, lari dari rumah, kelakuan lucah, minum arak, disko, merokok, merempit dan lain-lain lagi yang kian merebak dalam masyarakat kita. Kita percaya sekiranya semua pihak berkerjasama secara menyeluruh dan bersatu padu maka segala permasalahan akhlak para remaja masa kini dapat diatasi dengan berkesan dan sebaik-baiknya.

Perbincangan

Apakah implikasi perbuatan seks bebas terhadap individu, masyarakat dan negara. Bincangkan implikasi ini bersama dengan rakan-rakan kursus anda.

Latihan 1

Dalam kumpulan bersama dengan rakan-rakan kursus, mencari maklumat berkenaan satu isu moral tempatan dan satu isu moral global, skop maklumat perlu meliputi punca, kesan dan cara-cara mengelakkannya. Selepas itu gunakan pengurusan grafik untuk mempersembahkan maklumat-maklumat dapatan anda.

5.2 ISU-ISU MORAL GLOBAL

Dalam bahagian ini, anda akan didedahkan kepada beberapa isu-isu global yang berkaitan dengan moral. Isu-isu yang dibincangkan berikut adalah penting untuk perhatian bakal-bakal guru supaya lebih peka terhadap isu moral global.

1. Jenayah Siber

Kemunculan Internet sebagai alat komunikasi terkini menjanjikan satu wadah penyebaran maklumat yang memantapkan ilmu dan maklumat. Oleh kerana tiada siapa yang dapat mengawal perjalanan maklumat di dunia siber, berjuta-juta laman web telah dihidupkan. Bermacam-macam maklumat (sama ada benar atau salah), idea, ideologi, propaganda dan tidak kurang juga pornografi disebarkan melalui Internet.

Ke semua peringkat penggunaan komputer adalah sentiasa berhadapan dengan aktiviti jenayah. Sama ada sebagai mangsa kepada jenayah atau peralatan bagi jenayah atau kedua-duanya. Operasi input, pemprosesan data, operasi output dan komunikasi data telah digunakan dengan teliti untuk tujuan yang tidak sihat. Jenis jenayah siber yang biasa kita dengar

1. Penipuan
2. Kerosakan atau pengubahsuaian keatas program atau data komputer.
3. Kecurian maklumat.
4. Capaian secara tidak sah keatas sistem
5. Menyalin perisian secara tidah sah.
6. Pengintipan
7. Judi siber
8. Skim cepat kaya
9. Pornografi

10. Penggodam atau "Hacker"
11. Penyebaran virus

Antara beberapa faktor yang dikenal pasti ialah

1. Sukar dikenalpasti siapakah penjenayahnya
2. Kepentingan ekonomi
3. Berbeza takrifan jenayah
4. Kepentingan ketenteraan
5. Sikap manusia "Human attitude"

2. Pornografi

Pornografi bermaksud bahan bertulis atau visual yang merangsang keinginan seksual, dan bertujuan untuk memberahikan pemerhati atau pembaca. Terdapat pelbagai kesan-kesan yang tidak sihat :

- Ia menggalakkan seks luar nikah
- Ia menyumbang ke arah penganiayaan seksual kanak-kanak dan keganasan seks
- Pengaruh negatif terhadap perkembangan seksual
- Sikap dan nilai seksual yang negatif . Contoh: kelakuan seks luar tabii, orientasi seks yang tidak normal dan tidak menghormati kaum wanita seperti hanya menganggap mereka sebagai objek seks
- Masalah emosi dan perhubungan. Contoh: rasa bersalah, malu, dan ketagihan
- Masalah undang undang. Contoh: memiliki, jual beli, menonton bahan bahan pornografi adalah salah dari segi undang undang

Cara-cara untuk mengelakkannya:

- Elakkan mencari, membaca dan melihat bahan-bahan lucah.
- Libatkan diri dalam aktiviti yang berfaedah seperti kegiatan sukan, senaman,
- aktiviti budaya atau kerja-kerja sukarela www.befrienders.org.my.
- Patuh kepada ajaran agama dan budaya kerana ia juga melarang semua jenis
- pornografi.
- Elakkan tekanan rakan sebaya.

Layari Internet

Apakah implikasi undang-undang terhadap jenayah pornagrafi, cuba anda mencari maklumat berkenaan daripada internet.

3. Homoseksual & Lebian

Homoseksual adalah laki-laki dan perempuan yang secara emosional dan seksual tertarik terhadap sesama jenisnya. Homoseksual terdiri dari *gay* dan lesbian. *Gay* adalah laki-laki yang secara seksual tertarik terhadap laki-laki. Lesbian adalah perempuan yang secara seksual tertarik terhadap perempuan.

Dalam peradaban budaya Eropah dan Amerika pandangan terhadap kaum homoseksual lebih dapat diterima. Namun begitu, budaya masyarakat Asia amnya dan Malaysia khasnya adalah berbeza, individu yang mengamalkan aktiviti seksual yang menyongsang dianggap sebagai mereka yang tidak mempunyai identiti serta tidak bermoral.

Perbincangan

Penyakit AIDS mulai menjadi tumpuan ramai apabila pada 5 Jun 1981, doktor mulai mengambarkan wabak paru-paru berair yang biasanya sukar terjadi, yang menular dikalangan lima orang homoseksual di Los Angeles. Semenjak itu, AIDS dan homoseksual menjadi bagaikan seerti. Pada awal-awal penyakit merebak, San Francisco merupakan kawasan gay paling teruk dijangkiti, iaitu hampir separuh daripada populasi homoseksualnya telah dijangkiti.

Berdasarkan maklumat di atas, anda sebagai bakal guru yang memainkan peranan sebagai agen moral, bincang bersama-sama rakan-rakan kursus anda berkenaan tindakan moral yang patut dilakukan.

4. Terorisme

Terorisme global dan segala bentuk kekerasan bukanlah sesuatu yang baru dalam kehidupan manusia, kerana gejala kekerasan, kebiadaban, kekejaman, dan segala bentuk tindakan yang melampau batas kemanusiaan. Pada hakikatnya terorisme bermula dari zaman yang setua sejarah manusia itu sendiri.

Gejala kekerasan sering melekat dalam proses perubahan melalui jalan revolusi, sedangkan gejala kedamaian melekat dalam proses perubahan melalui jalan evolusi. Pertembungan antara jalan revolusi dan evolusi tercermin dalam pertembungan antara perang dan damai, iaitu pertembungan untuk mencipta dunia yang bebas daripada kekerasan. Pertembungan antara perang dan damai

menempati perjalanan sejarah yang panjang iaitu daripada masyarakat yang sederhana primitif sampai kepada masyarakat yang dikatakan moden.

Layari Internet

Cuba anda melayari internet untuk mendapatkan isu-isu global yang berlaku terkini. Huraikan isu-isu tersebut dalam peta grafik yang bersesuaian.

Rumusan

Dalam tajuk ini, anda bukan sahaja telah didedahkan dengan beberapa isu moral tempatan yang berlaku dalam negara kita, tetapi juga isu-isu global yang berlaku di dunia luar.

Latihan 2

1. Seks sebelum kahwin adalah tidak diterima oleh norma masyarakat Malaysia kerana _____

   _____

2. Nyatakan faktor-faktor yang menyebebkan kegiatan cetak rompak berleluasa di Malaysia.

_____

_____

_____

3. Apakah objektif dan matlamat Pelan Integriti Nasional (PIN) pada 23 April 2004?

_____

_____

4. Nyatakan perspektif-perspektif masyarakat Malaysia terhadap homoseksual.

_____

_____

Rehat sekejap!

TAJUK 6.0	APRESIASI MORAL

SINOPSIS

Tajuk ini bertujuan memberikan peluang kepada pelajar membuat kajian tentang tokoh-tokoh dan pertubuhan-pertubuhan yang berjasa kepada masyarakat, negara dan dunia. Fokus kajian haruslah diberi kepada sumbangan dari aspek moral dan kemanusiaan. Dengan melihat kepada situasi tersebut, pelajar akan menambahkan kepekaan mereka serta menghargai ketokohan seseorang dan juga pertubuhan yang berjasa. Ini akan mendorong mereka menjadi seorang insan bermoral yang menghormati diri sendiri dan orang lain.

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir tajuk ini, pelajar boleh:

i. Menghurai sumbangan tokoh-tokoh tempatan dan antarabangsa
ii. Pertubuhan-pertubuhan/organisasi-organisasi tempatan dan antarabangsa

KERANGKA TAJUK-TAJUK



Pengenalan

Perkataan “apresiasi” sering digunakan dalam pelbagai kontek. Contohnya apresiasi guru, apresiasi buku, apresiasi jawi, apresiasi seni, apresiasi masyarakat, apresiasi wanita, apresiasi budaya, bahasa dan sastera. Apakah sebenarnya maksud “apresiasi”?

Menurut kamus Kamus Dewan edisi keempat (2007), apresiasi mempunyai dua maksud. Yang pertama ialah penghargaan (terhadap sumbangan, jasa, dan lain-lain seseorang atau sesuatu pihak). Apresiasi juga ialah pengiktirafan serta penghayatan nilai dan lain-lain (sesuatu karya) sastera atau seni.

The American Heritage Dictionary of the English Language (2009) memberi maksud apresiasi sebagai pengenalan kualiti, nilai, signifikan, atau magnitud orang atau barang. Satu penilaian atau pendapat, yang positif. Satu expresi penghargaan, kesedaran atau persepsi sensitif, khasnya tentang kualiti seni atau nilai. Apresiasi juga ialah peningkatan nilai atau harga, khasnya selepas satu jangka masa.

	Fikir-fikirkan dan bincang dengan rakan-rakan anda.

Aktiviti 1

Senaraikan lagi contoh-contoh apresiasi yang anda ketahui. Huraikan secara ringkas contoh-contoh anda.

Aktiviti 2

Pada pendapat anda, apakah definisi apresiasi moral?

Apresiasi moral boleh didefinisikan sebagai mengenali dan menilai kualiti, nilai, signifikan, atau magnitud seseorang atau sesuatu organisasi dan juga menghargai dan mengiktiraf sumbangan-sumbangan mereka, khasnya yang berpegang kepada prinsip-prinsip moral , yang dapat memberikan peningkatan kepada masyarakat , Negara dan manusia sejagat. Apresiasi moral berlaku bila jasa-jasa mereka ini dihargai dengan adanya penghayatan dan amalan hasil dari pengenalan, penilaian dan penghargaan ketokohan seseorang atau sesuatu pertubuhan atau organisasi.

	Renungkanlah…

Adakah sesiapa yang telah memberi impak positif dalam hidup anda? Kenapa? Adakah sesuatu pertubuhan/organisasi yang telah memberi impak positif dalam hidup anda? Kenapa?

6.1 TOKOH-TOKOH TEMPATAN DAN ANTARABANGSA

ABDULLAH MUNSYI

Abdullah Munsyi atau nama sebenarnya Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi(1796-1854) berasal dari keturunan Arab dari Yaman. Beliau dilahirkan pada tahun 1797 di Melaka. Walaupun beliau merupakan seorang guru agama dan guru bahasa Arab, beliau juga menguasai bahasa Tamil, Hindustani, Inggeris, Sanskrit dan Melayu

Secara ringkas, kerjaya Abdullah bermula dengan menolong bapanya menyalin dokumen-dokumen penting. Beliau mengajar bahasa Ibunda kepada askar-askar India dan British.Beliau bekerja sebagai seorang pentafsir dan jurutulis kepada Sir Stamford Raffles. Kecekapan beliau bertutur dan reputasi sebagai seorang guru telah melayakkan beliau diberi nama 'Munsyi' oleh Tuan Raffles. Selain itu, Abdullah juga membantu orang-orang yang beragama Kristian untuk mentafsir dan mencetak sebahagian daripada kitab Injil (ke Bahasa Melayu) dan mentafsirkan cerita-cerita turun temurun Hindu.

Abdullah merupakan pengkarya melayu yang pertama yang tidak mengikut corak penulisan tradisional dan oleh kerana itu beliau telah di gelar Bapa Kesusasteraan Melayu moden.

Antara karya-karya yang telah di hasilkan oleh beliau ialah Syair Singapura Terbakar (1830), Da'wail Kulub (1838), Kisah Pelayaran Abdullah bin Abdul Kadir Munsyo dari Singapura ke Kelantan (1838) , Syair Kampung Gelam Terbakar (1847), dan Kisah Pelayaran Abdullah ke Negeri Jeddah (1854 - tidak tamat).

Beliau telah memperlihatkan perkembangan bahasa Melayu pada zaman tersebut.menerusi karya-karya yang dihasilkan oleh beliau. Karya yang

dihasilkan di olah dengan gaya bahasa yang tersendiri dan indah serta menggunakan kosa kata yang banyak mengungkap perkara-perkara yang baru akibat pertembungan budaya barat dan timur. Beliau juga menghasilkan karya berdasarkan pengamatannya terhadap sesuatu perkara.

Abdullah Munsyi menghasilkan karya yang tidak terikat dengan corak penulisan lama seperti terdapatnya cerita mitos/donggeng, alam ghaib dan ajaib. Hal ini demikian kerana beliau ingin menghasilkan sesuatu lain daripada yang lain. Mungkin juga kerana corak penulisan tradisional tidak lagi sesuai digunakan dan sudah tiba masanya berlaku pembaharuan dalam sastera melayu dan penggunaan bahasa melayu. Beliau juga merasakan dengan menyelitkan unsur-unsur mitos atau alam ghaib tidak akan membantu perkembangan minda bahasa pembaca kerana perkara tersebut hanya mitos dan bukannya benar-benar berlaku dalam kehidupan. Beliau berpendapat dengan menghasilkan buku berdasarkan pengalaman beliau dapat mengajar generasi-generasi zaman kini dan pembaca tentang sesuatu perkara yang dialami oleh beliau dan fahami maksud yang ingin di sampaikan oleh beliau. Selain itu, pembaca dapat pelajari perkataan-perkataan baru yang ditulis oleh beliau.

Abdullah Munsyi melalui penulisannya cuba menyampaikan mesej yang membawa kita melihat dari sudut pandangan positif mengenai penjajah kerana tanpa mereka kita mungkin tidak akan maju. Melalui penulisannya, beliau cuba membawa penduduk tanah melayu supaya mereka lebih berfikiran jauh dan positif menerima sesuatu.

Dari falsafah beliau seperti dibawah, dapat dilihat kepentingan ilmu kepada Abdullah Munsyi.

“ Jikalau sekiranya ada umur-umur seribu tahun sekalipun, maka janganlah engkau takut membelanjakan dia sebab menuntut ilmu, itu kerana dapat tiada segala hamba Allah dalam dunia ini semuanya mengkehendaki kebesaran, ilmu itulah tangganya.”

Abdullah Munsyi juga telah memberikan kritikan yang pedas di dalam penulisannya kepada golongan raja melayu dan golongan elit melayu di atas sikap golongan tersebut serta komen dan kritikan terhadap penjajah inggeris. Keberanian beliau itu telah di sifatkan sebagai fenomena baru dalam dunia penulisan melayu. Beliau berbuat sedemikian kerana ingin menyedarkan golongan tersebut yang perbuatan sebegitu tidak di terima oleh orang lain. Dalam *Kisah Pelayaran Abdullah,* beliau menegur penguasa feudal Melayu bahawa adalah menjadi tuntutan agama agar mereka memerintah dengan adil, menjaga kebajikan rakyat, dan bukan pada berfoya dan berleka makan candu dengan membuat rujukan kepada kitab *Taj us Salatin,* yang meletakkan memerintah secara adil kepada pemegang kuasa.

Abdullah Munsyi merupakan sastera Melayu yang amat dikagumi kerana beliau berani dalam melakukan sesuatu dan menghasilkan sesuatu karya yang lain daripada yang lain serta seorang yang berfikiran jauh dan memandang sesuatu perkara dari sudut positif dan negatif .

	Bincang dengan rakan-rakan anda.

Aktiviti 1

Selepas membaca berkenaan Abdullah Munsyi, bincang berdasarkan panduan berikut:

1. Nyatakan pendapat anda tentang tokoh berkenaan.
2. Huraikan sumbangan-sumbangan beliau.
3. Berdasarkan penilaian anda, nyatakan beberapa nilai-nilai murni dan keguruan yang anda boleh dapat lihat beliau (berserta dengan contoh-contoh).

Aktiviti 2

Senaraikan tokoh-tokoh tempatan dan antarabangsa yang anda sanjungi.

	Latihan 1

Aktiviti 1

Dari senarai, kumpulkan maklumat tentang seorang tokoh tempatan dan antarabangsa.

1. Nyatakan pendapat anda tentang tokoh berkenaan.

2. Berdasarkan bahan bacaan anda, huraikan sumbangan-sumbangan tokoh berkenaan.

3. Berdasarkan penilaian anda, nyatakan beberapa nilai-nilai murni dan keguruan yang anda boleh dapat lihat pada tokoh berkenaaan (dengan bukti-buktinya).

Aktiviti 2

Bincang tentang dua orang tokoh wanita dunia, iaitu Puteri Diana dan Mother Theresa. Kemudian buat banding beza antara dua orang tokoh tersebut.

Aktiviti 3

Adakah anda menghargai sumbangan tokoh-tokoh berkenaan? Buatlah refleksi kendiri.

6.2 PERTUBUHAN-PERTUBUHAN DAN ORGANISASI-ORGANISASI TEMPATAN DAN ANTARABANGSA

Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan PBB (UNESCO)

Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan PBB atau **UNESCO** (*UN Educational, Scientific and Cultural Organization)* telah ditubuhkan pada tahun 1945 dan merupakan sebuah agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). UNESCO ditubuhkan bertujuan untuk menyumbang ke arah kedamaian dan keselamatan dengan mempromosikan kerjasama antarabangsa melalui bidang pendidikan, sains dan kebudayaan.

Antara matlamat UNESCO ialah membantu negara-negara anggotanya membina keupayaan manusia dan institusinya dalam pelbagai bidang. UNESCO juga menggalakkan kerjasama antarabangsa dikalangan negara anggotanya dalam bidang pendidikan ,sains ,social, kebudayaan dan komunikasi. UNESCO berfungsi sebagai makmal idea untuk menwujudkan perjanjian universal tentang isu-isu etika yang timbul. UNESCO juga berfungsi sebagai pusat yang menyebarkan dan berkongsi maklumat serta pengetahuan.

Lima program utama UNESCO adalah dalam bidang pendidikan, sains semula jadi, sains manusia dan sosial, kebudayaan, dan komunikasi dan maklumat. Projek yang menerima penajaan UNESCO termasuklan kemahiran menulis dan membaca, teknikal, dan program latihan kepada guru-guru; program sains antarabangsa; promosi kebebasan bersuara dan media yang bebas; projek sejarah budayaan setempat, promosi kepelbagaian budaya didunia; perjanjian kerjasama antarabangsa untuk kebudayaan dunia dan warisan semulajadi dan untuk memelihara hak asasi manusia; dan percubaan untuk menyatukan rangkaian antarabangsa.

	Bincang dengan rakan-rakan anda.

Selepas membaca berkenaan UNESCO, bincang tentang peranan dan sumbangannya.

	Latihan 2

Aktiviti 1

Yayasan Salam

PBSM

Lions Club

Interact Club

Rotary Club

WHO
WWF

Berdasarkan senarai di atas, pilih dan layari internet untuk kumpul maklumat tentang salah satu pertubuhan/organisasi tersebut.

Aktiviti 2

Berdasarkan beberapa sumber, buat nota ringkas tentang peranan dan sumbangan pertubuhan/organisasi tersebut.

Aktiviti 3

Adakah anda menghargai sumbangan pertubuhan/organisasi tersebut ? Buatlah refleksi kendiri.

	Bacaan Asas

1. Ee, A.M. (1988). **Pendidikan Moral.** Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

2. Koo, K.P. & Tan, C.T. (1990). **Pendidikan Moral.** Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.

3. Akhbar dan majalah.

4. Risalah yang diterbitkan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Tajuk 1.0: Konsep Asas Moral

Latihan 1

1. **Konsep moral** lebih menyentuh tentang tingkah laku seseorang individu manakala **konsep etika** merujuk kepada peraturan yang ditentukan untuk memperbaiki keadaan.

Latihan 2

1. **Moral**: kesedaran tentang ajaran atau pegangan berkenaan dengan baik buruk sesuatu perbuatan, sikap atau cara berkelakuan yang sejajar dengan tatasusila dan peratuaran masyarakat

   Etika: suatu kajian sains tentang kelakuan manusia dalam masyarakat yang juga merupakan satu set peraturan tingkah laku atau undang-undang yang digubal bersama oleh ahli masyarakat tersebut

   Akhlak: budi pekerti seseorang individu yang merupakan sifat semulajadi dan juga sifat dimiliki menerusi latihan dan rangsangan

   (Bentuk peta minda terpulang kepada pilihan pelajar)

Latihan 3

1. **Baik**: sesuatu yang memenuhi keperluan kita serta membawa kepuasan kepada kita

   Benar: betul dan mengandungi ciri-ciri penjelasan nilai, iaitu mempunyai fakta-fakta, sebab-sebab dan bukti-bukti yang sah atau diterima oleh majoriti

   Patut: tindakan yang seharus, mesti atau sesuai dan mempunyai unsur bertindak secara waras dan bijaksana

Latihan 4

1. a. Konsep Moral

   - Konsep Etika
   - Konsep Akhlak

2. Di Malaysia, seorang individu dianggap bermoral sekiranya dia

   - Mematuhi undang-undang
   - Hidup mengikut norma social

     Menurut ajaran agama
   - Menjadikan Rukun Negara sebagai hala tuju hidup

3. Pegangan peraturan moral di Barat dan di Malaysia tidak boleh disamakan atas sebab:

   - Budaya hidup berbeza
   - Agama dan kepercayaan berbeza
   - Nilai individu dan nilai kekeluargaan yang berbeza

4. Lengkapkan jadual

	Peraturan Moral	Peraturan Adat	Peraturan Agama	Peraturan Undang-undang
Kesan kalau tidak diamalkan	Dinasihat Ditegur Dipandang hina Dibenci	Dinasihat Ditegur	Balasan yang ditentukan oleh Tuhan/ dunia akhirat	dihukum mengikut kuasa peraturan dan undang-undang

Tajuk 2.0: Nilai dan Teori Etika

Latihan 1

Soalan 1

Huraian Contoh	Jenis Nilai
Elain berkawan dengan Jason kerana Jason seorang kaya dan kacak.	Nilai instrumental
Seseorang yang mengamalkan nilai baik hati di mana sahaja dia berada tanpa mengambil kira kesannya.	Nilai intrinsik
Kamu dikenakan hukuman penjara 10 tahun kerana menerima rasuah semasa menjalankan tugas.	Nilai objektif
Alex suka menghisap rokok untuk melepaskan tekanan walaupun dia selalu diingatkan bahawa menghisap rokok akan merosakkan kesihatan.	Nilai subjektif
Anak dituntut menghormati ibu bapa.	Nilai mutlak
Amalan rumah terbuka pada hari perayaan merupakan amalan di Malaysia tetapi bukan di masyarakat Barat.	Nilai relatif

Latihan 2

1. Individu menggunakan sesuatu nilai dalam pelbagai konteks dan cara. Justeru, wujudlah pelbagai bentuk nilai. Senaraikan jenis-jenis nilai tersebut:
    - <u>Nilai instrumen, Nilai intrinsik, Nilai subjektif, Nilai objektif, Nilai relatif dan Nilai mutlak</u>

2. Nilai <u>instrumental dan intrinsik</u> digunakan untuk menunjukkan hubungan antara nilai.

3. Teori Teleologikal menyatakan sesuatu nilai sama ada betul atau salah adalah bergantung kepada keputusan akhir sesuatu tindakan.

4. Teori Deontologi lebih mementingkan sifat perlakuan atau ciri-ciri peraturan itu dalam menentukan sama ada nilai itu adalah betul atau salah, akibat/kesan sesuatu perlakuan adalah tidak dititikberatkan dalam teori ini.

5. Menurut teori Prinsip Kewajipan, tanggungjawab merupakan satu nilai utama menentukan sama ada tindakan itu bermoral atau tidak.

6. Teori Keperibadian Mulia menyatakan bahawa setiap keperibadian yang mulia merupakan jalan tengah, iaitu sesuatu nilai yang diamalkan itu adalah tidak berlebihan dan tidak juga terlalu kurang.

7. Teori Kemoralan Sosial cenderung mengaitkan peraturan masyarakat dengan konsep etika. Standard atau ukuran moral merangkumi nilai-nilai yang mementingkan masyarakat dan individu bukan sebagai matlamat kemoralan.

Tajuk 3.0: Model Insan Moral

Latihan 1

1. Dimensi pemikiran moral, emosi moral dan tindakan moral

2. Lengkapkan nilai-nilai moral yang perlu pada setiap dimensi di bawah:

Prinsip Keadilan	Prinsip Autonomi	Prinsip Alturisme
mementingkan saksama, seimbang, sama rata dan sama rasa.	perlakuan atau tindakan yang mempunyai ciri-ciri bertujuan untuk kebaikan orang lain mengatasi kepentingan diri sendiri	menerangkan konsep pertimbangan bebas dan kebebasan memilih

3. Individu yang bermoral mengikut model insan bermoral:

   - Berada dalam prinsip-prinsip moral
   - Bertindak mengikut ketiga-tiga dimensi moral
   - Peka dan memahami peraturan masyarakat

Tajuk 5.0 Isu-isu Moral

Latihan 1

1. Kesan daripada aktiviti seks sebelum kahwin termasuk kehamilan yang tidak diingini, pengguguran anak yang tidak selamat, pembuangan bayi, jangkitan seksual, masalah perhubungan, tekanan emosi, tiada keharmoniaan keluarga dan implikasi undang-undang (**Kod Penal Akta 574**)

2. Kegiatan cetak rompak berleluasa di Malaysia disebabkan beberapa faktor berikut:-
   a. Kurangnya kesedaran di kalangan pengguna mengenai harta intelek
   b. Harga produk cetak rompak yang jauh lebih murah daripada produk tulen.
   c. Salah guna teknologi seperti penulis CD dan penulis DVD pada komputer yang digunakan untuk tujuan cetak rompak
   d. Salah guna internet yang dijadikan medium penyebaran produk cetak rompak.
3. membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya dengan para warganya yang mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.

4. Nyatakan perspektif-perspektif masyarakat Malaysia terhadap homoseksual.
   - Keruntuhan Moral dan Tamadun

- Penyakit Wabak
- Diskriminasi - Dianggap sebagai ‘orang asing’ dan tidak mendapat layanan seperti orang lain sering dilihat sebagai ‘pelik’ dan tidak dapat diterima dalam kegiatan luar

Tajuk 6.0 Apresiasi Moral

Aktiviti 1

Abdullah Munsyi digelar *Bapa Kesusasteraan Melayu* moden atas usaha-usahanya membawa kesusasteraan Melayu ke satu era baru. Beliau berpegang kepada falsafah seperti di bawah, dan dapat dilihat dalam karya dan hidup beliau.

“ Jikalau sekiranya ada umur-umur seribu tahun sekalipun, maka janganlah engkau takut membelanjakan dia sebab menuntut ilmu, itu kerana dapat tiada segala hamba Allah dalam dunia ini semuanya mengkehendaki kebesaran, ilmu itulah tangganya.”

Berdasarkan falsafah Abdullah Munsyi,beliau merupakan seorang individu yang amat memberi penekanan kepada ilmu dan hidup seseorang tidak sia-sia jika dihabiskan dengan mencari ilmu. Di sini beliau menyatakan kepentingan pelajaran atau ilmu dalam kehidupan manusia Apabila beliau kaitkan dengan agama, beliau menunjukkan kepentingan agama dalam hidup seseorang dan kepada beliau. Beliau juga cuba menyedarkan masyarakat bahawa ilmu seharusnya merupakan satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh manusia. Menurut Abdullah juga segala kemuliaan dapat dicapai jika adanya ilmu. Ilmu bukan sahaja dapat dimanfaatkan pada masa sekarang malah akan menguntungkan kita pada masa hadapan. Oleh itu, semua masyarakat mempunyai tanggungjawab yang sangat besar bagi memastikan generasi akan datang akan lebih berilmu agar mereka dapat memimpin bangsa dan negaranya sendiri. Pemikiran Abdullah boleh dijadikan teladan dan perlu diamalkan oleh masyarakat demi mencapai ilmu yang tinggi.

Abdullah juga turut memperlihatkan pentingnya sikap kerajinan atau ketekunan dalam mencari ilmu pengetahuan. Menurutnya, selagi ada kesempatan dalam dunia ini kita perlulah tekun mencari ilmu dan ilmu yang dipelajari itu bukan sahaja tertumpu pada satu ilmu, tetapi pelbagai cabang ilmu. Contohnya, Abdullah mencari ilmu bukan sahaja mempelajari tentang Melayu namun dia juga turut menpelajari dan menguasai bahasa-bahasa lain seperti bahasa Inggeris dan Sanskrit. Selain itu Abdullah juga turut mempelajari kitab Injil bahasa inggeris. Ketekunannya ini menyebabkan dia mendapat pelbagai ilmu dari pelbagai bidang. Dengan kesudian beliau mempelajari agama lain, beliau juga menunjukkan sikap toleransi terhadap agama lain. Toleransi merupakan satu nilai penting dalam menjana perpaduan sesuatu masyarakat dan Negara. Sikap Abdullah yang tekun mencari ilmu ini wajar diikuti oleh masyarakat dalam mencari ilmu kerana seandainya tidak wujud sikap ketekunan dalam diri maka ilmu itu tak akan dapat dicapai.

Dalam mencari ilmu, sikap sabar juga perlu wujud. Hal ini turut diperkatakan oleh Abdullah Munsyi sendiri iaitu untuk mencapai sesuatu kejayaan, kesabaran perlu diutamakan demi mencapai cita-cita. Sikap sabar ini jelas ada pada Abdullah ketika dia dihina dan dicerca serta dipulaukan oleh oarang-orang Melaka kerana bergaul dengan orang Inggeris. Walau apa pun yang dihadapinya dia tetap sabar kerana dia sedar betapa pentingnya ilmu itu kepada seseorang. Baginya ilmu itu sukar didapati seandainya tidak ada kesabaran dalam diri seseorang. Oleh itu, masyarakat seharusnya menanamkan sikap sabar dalam diri untuk mendapatkan ilmu-ilmu seperti yang dikatakan dan dilakukan oleh Abdullah Munsyi

Menurut Abdullah Munsyi juga sebelum mencapai sesuatu kejayaan seseorang itu perlulah gigih berusaha. Buktinya, dia tidak mengira siapa gurunya dan dari mana asalnya, yang penting dia mendapat ilmu pengetahuan. Bagi mencapai sesuatu kejayaan ilmu perlu diutamakan dan gigih berusaha agar dapat meluaskan ilmu pengetahuan. Kita perlulah mencari inisiatif agar dapat memperolehi ilmu. Sikap gigih ini perlu dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat untuk memajukan diri dan generasi yang akan datang.

” Imu itulah tangganya ” kata Abdullah Munsyi dan hal ini menyatakan bahawa kita perlu berani mencari ilmu sebelum mencapai suatu kebesaran. Hal ini jelas kepada Abdullah Munsyi sebelum dia disanjungi oleh orang lain iaitu dia berani mempelajari ilmu baru seperti bahasa Inggeris walaupun ditentang oleh masyarakat zaman tersebut. Orang Melayu Melaka ketika itu terlalu memuliakan adat dan tradisi nenek moyang sehingga mereka tidak mahu menerima pembaharuan yang dibawa oleh pihak British. Namun berbeza dengan Abdullah, dia mempelajari Injil daripada paderi kerana dia ingin menimba lebih banyak ilmu selain daripada al-Quran dan hikayat-hikayat Melayu. Abdullah juga berani mengkritik golongan raja. Dia amat berharap orang Melayu akan maju ke hadapan dan mempelajari ilmu-ilmu baru justeru itu dapat mengikis dan meninggalkan fahaman yang menghalang kemajuan dalam bidang ilmu. Keberanian beliau dapat menyedarkan masyarakat betapa pentingnya ilmu. Oleh itu, untuk mencapai kejayaan kita perlu berani mencari ilmu dari pelbagai cabang ilmu. Sikapnya ini wajar dicontohi oleh masyarakat.

Abdullah ingin bangsanya maju dan juga berilmu sepertimana orang Inggeris yang sedang menjajah Tanah Melayu pada ketika itu. Falsafah Abdullah sangat wajar digunakan oleh masyarakat setempat kerana bukan sahaja dapat menguntungkan diri sendiri malah untuk bangsa dan masyarakat agar pemikiran masyarakat lebih maju ke hadapan.

Kepada Abdullah, ilmu sangat penting bagi masyarakat kerana dengan ilmu semua perkara yang dikehendaki dapat diperolehi, di samping itu kemajuan juga dapat dicapai. Selain itu, ilmu merupakan tunggak utama sesuatu kejayaan atau pencapaian seseorang dan falsafah yang dipegang oleh Abdullah Munsyi ini perlu dijadikan pegangan masyarakat dalam menunutut ilmu.

BIBLIOGRAFI

Abdul Rahman Md.Aroff (1986). Pengenalan Pendidikan Moral. Petaling Jaya: Fajar Bakti.

--------- (1999). Pendidikan moral teori etika dan amalan Moral, Serdang: Penerbit UPM.

Ahmad Amin (1975). Etika (ilmu akhlak). Jakarta: Bulan Bintang.

Ahmad Khamis (1999). Etika (Pendidikan Moral) untuk Institusi Pengajian Tinggi. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Dewey, J. (1972). Democracy and education. New York: Macmillan.

Downey, M. & Kelly, A.V. (1978). *Moral education: Theory and practice.*London: Harper & Row.

Ee, A. M. (1988). Pendidikan Moral. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Eow, B.H. (2000). Pendidikan Moral. Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.

Frankena, W.K. (1973).*Ethics.* Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall, Inc.

Gardner, R., Cairns, J. & Lawton, D. (ed.). (2000). *Education for values: Morals,ethics and citizenship in contemporary teaching.* London: Kogan Page.

Halstead, J. M. & Taylor, M..J. (eds.) (1996). *Values in education and educationin values.* London: The Falmer Press.

Koo, K.P. & Tang, C.Y. (1990). Pendidikan Moral. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.

Peters, P. (1987). Moral development and moral education. London: Allen & Kegan Paul.

Rajendram, N.; Ee, A.M. (1994). Pendidikan Moral (Dinamika Guru). Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Tam, Y.K. (2006). Pendidikan Moral: Konsep dan pedagogi Pendidikan Moral untuk pelajar-pelajar KPLI, LPBS dan PISMP Maktab-maktab Perguruan. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Vishalache Balakrishnan (2009). Pendidikan Moral untuk universiti dan kolej. Shah Alam: Arah Pendidikan Sdn. Bhd.

Windmiller, M., Lambert, N. & Turiel, E. (1980). *Moral development and socialization.* Boston: Allyn & Bacon.

Laman Web

http://www.scribd.com/Doc

www.goodcharacter.com/Socratic Method.html

www.accts.org/ethics/norway/hoffmant.html

http://pendidikanmoral.um.edu.my/uploads/rujukan/kertas%20konsep%20moral.pdf

PANEL PEMURNIAN MODUL
PROGRAM PENGAJIAN ASAS
KURSUS PERGURUAN LEPAS IJAZAH SEKOLAH RENDAH
(MAJOR PRASEKOLAH)

NAMA	KELAYAKAN
DR. NORIATI BINTI A. RASHID Pengarah Pusat Perkembangan Akademik Institut Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia atie_dr@yahoo.com	KELULUSAN: • PhD.(Sosiolinguistik), UM • Sarjana Pendidikan (Sosiologi Pendidikan), UM • B.A. Hons.(Geografi & Bahasa Melayu), UM • Dip. Pendidikan (Geografi & Bahasa Melayu),UM PENGALAMAN KERJA: • Pensyarah IPBMM (12 tahun) • Penolong Pengarah Unit Kurikulum, BPG • Ketua Penolong Pengarah Unit Kurikulum, BPG • Pengarah Pusat Perkembangan Akademik
DR.JENNIFER WEE BENG NEO Penolong Pengarah Institut Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia wjenee@moe.gov.my wjenee@gmail.com	KELULUSAN: • PhD. (Pentadbiran Pendidikan) • M.Sc (Pentadbiran Pendidikan) • Bac.Pend. (SRT) • Sijil Guru, MPTI PENGALAMAN KERJA: • Guru Sekolah Menengah (18 tahun) • Pensyarah IPG (8 tahun) • Pen.Pengarah BPG, KPM (7 tahun) • Pen.Pengarah IPG, KPM (2 tahun)
DR.KARTINI BINTI ABDUL MUTALIB Pensyarah Akademik IPG Kampus Ipoh 31150 Hulu Kinta Perak Darul Ridzuan kartini@ipip.edu.my dr_tini@yahoo.com	KELULUSAN: • PhD. (Pendidikan Alam Sekitar), UPM • M Ed. (Pendidikan Sains), USM • B.Sc. Hons. (Biology) UPM • Diploma Pendidikan (Sains dan Matematik), MPKI PENGALAMAN KERJA: • Pensyarah Sains Maktab Perguruan Kinta Ipoh (5 tahun) • Pensyarah Sains IPG Kampus Ipoh selama (10 tahun) • Ketua Unit Biologi (1 tahun) • Ketua Unit Pembangunan Profesionalisme dan Kesarjanaan (1 tahun)

NAMA	KELAYAKAN
NG SOOK GUN Pensyarah Akademik IPG Kampus Pulau Pinang Bukit Coombe, Gelugor 11700 Pulau Pinang ng-sook-gun@i4p.edu.my	KELULUSAN • M. Ed.(Psikologi Pendidikan) • B. A.(Hons) Pengajian Bahasa Mandarin PENGALAMAN MENGAJAR PENDIDIKAN MORAL 3 TAHUN
TAIB BIN AHMAD Pensyarah Akademik IPG Kampus Pulau Pinang Bukit Coombe, Gelugor 11700 Pulau Pinang taib-ahmad @i4p.edu.my	KELULUSAN • M. Ed.(Pengurusan Pendidkan) • B. A.(Hons) Pengajian Islam PENGALAMAN MENGAJAR PENDIDIKAN MORAL 3 TAHUN

PANEL PEMURNIAN MODUL
PROGRAM PENGAJIAN ASAS
KURSUS PERGURUAN LEPAS IJAZAH SEKOLAH RENDAH
(MAJOR PRASEKOLAH)

NAMA	KELAYAKAN
DR. NORIATI BINTI A. RASHID Pengarah Pusat Perkembangan Akademik Institut Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia atie_dr@yahoo.com	KELULUSAN: • PhD.(Sosiolinguistik), UM • Sarjana Pendidikan (Sosiologi Pendidikan), UM • B.A. Hons.(Geografi & Bahasa Melayu), UM • Dip. Pendidikan (Geografi & Bahasa Melayu),UM PENGALAMAN KERJA: • Pensyarah IPBMM (12 tahun) • Penolong Pengarah Unit Kurikulum, BPG • Ketua Penolong Pengarah Unit Kurikulum, BPG • Pengarah Pusat Perkembangan Akademik
DR.JENNIFER WEE BENG NEO Penolong Pengarah Institut Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran Malaysia wjenee@moe.gov.my wjenee@gmail.com	KELULUSAN: • PhD. (Pentadbiran Pendidikan) • M.Sc (Pentadbiran Pendidikan) • Bac.Pend. (SRT) • Sijil Guru, MPTI PENGALAMAN KERJA: • Guru Sekolah Menengah (18 tahun) • Pensyarah IPG (8 tahun) • Pen.Pengarah BPG, KPM (7 tahun) • Pen.Pengarah IPG, KPM (2 tahun)
DR.KARTINI BINTI ABDUL MUTALIB Pensyarah Akademik IPG Kampus Ipoh 31150 Hulu Kinta Perak Darul Ridzuan kartini@ipip.edu.my dr_tini@yahoo.com	KELULUSAN: • PhD. (Pendidikan Alam Sekitar), UPM • M Ed. (Pendidikan Sains), USM • B.Sc. Hons. (Biology) UPM • Diploma Pendidikan (Sains dan Matematik), MPKI PENGALAMAN KERJA: • Pensyarah Sains Maktab Perguruan Kinta Ipoh (5 tahun) • Pensyarah Sains IPG Kampus Ipoh selama (10 tahun) • Ketua Unit Biologi (1 tahun) • Ketua Unit Pembangunan Profesionalisme dan Kesarjanaan (1 tahun)

NAMA	KELAYAKAN
NG SOOK GUN Pensyarah Akademik IPG Kampus Pulau Pinang Bukit Coombe, Gelugor 11700 Pulau Pinang ng-sook-gun@i4p.edu.my	KELULUSAN • M. Ed.(Psikologi Pendidikan) • B. A.(Hons) Pengajian Bahasa Mandarin PENGALAMAN MENGAJAR PENDIDIKAN MORAL 3 TAHUN
TAIB BIN AHMAD Pensyarah Akademik IPG Kampus Pulau Pinang Bukit Coombe, Gelugor 11700 Pulau Pinang taib-ahmad @i4p.edu.my	KELULUSAN • M. Ed.(Pengurusan Pendidkan) • B. A.(Hons) Pengajian Islam PENGALAMAN MENGAJAR PENDIDIKAN MORAL 3 TAHUN
TEO LAI YONG Pensyarah Akademik IPG Kampus Tuanku Bainon 14400 Mengkuang Bukit Mertajam	KELULUSAN • M. Ed.(Psikologi Pendidkan) • B. A.(Hons) Bahasa Inggeris dan Kesusasteraan Inggeris PENGALAMAN MENGAJAR PENDIDIKAN MORAL 3 TAHUN

IKON

Rehat

Perbincangan

Bahan Bacaan

Buku Rujukan

Latihan

Membuat Nota

Senarai Semakan

Layari Internet

Panduan Pengguna

Mengumpul Maklumat

Tutorial

Memikir

Tamat